UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UiTM di hatiku

https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/campuses/mukah/

UiTM Mukah Bulletin

# Inou Dengah UiTM Mukah?

Edisi **Nov 2022**





Randau Pengerusi LPU UiTM

YBHG. PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH ABU SHAH

Program *Berloyar dengan* VC

YBHG. PROF DATUK TEKNOLOGIS (TS.) DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

Berlanggar Meja

RAYA GAWAI 2022

Seminar Pusat Penyelidikan Melanau (PPM)

NEGERI TUA MELANAU





# TABLE OF CONTENTS


01
WELCOME TO UiTM MUKAH!
*Sejarah UiTM Mukah*
*Program yang ditawarkan*
*Fasiliti dan kelengkapan UiTM Mukah*

02
HIGHLIGHTS
*Randau Pengerusi LPU UiTM*
*Program Berloyar dengan VC*
*Seminar Negeri Tua Melanau*
*Raya Gawai 2022*

03
EVENTS
*Artikel dan Laporan Program serta aktiviti yang dijalankan di UiTM Mukah sepanjang 2022*

04
LAMBAIAN KASIH JASAMU DIKENANG
*Selamat Bersara Cik Saftuyah dan Encik Zahir*

05
CONGRATULATIONS!
*Pencapaian Warga UiTM Mukah 2022 dalam pertandingan inovasi, KIK, dll.*

06
UiTM MUKAH PRESS AND MEDIA COVERAGE
*Liputan berita UiTM Mukah di media cetak agensi berita tempatan*



## Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Jamil Hj. Hamali

# From Rector's Desk

*Alhamdulillah, all praises are to Allah SWT, by whose Grace and Blessings have enabled us to finally witness the launch of the first issue of UiTM Mukah Bulletin. 'Inou Dengah UiTM Mukah?' highlights important news and updates of UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus. The unique combination with the Melanau terminology 'Inou Dengah' signifies our continuous effort to create strong bonds with the local community. Besides offering quality education to our students, it is our responsibility to contribute to society.*

*Associate Prof. Dr. Saimi Bin Bujang, the Assistant Rector of UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus , who also acts as the Managing Editor, deserves special recognition for the idea of increasing the visibility of UiTM Mukah Campus through its very own campus bulletin 'Inou Dengah UiTM Mukah'. Also, I take this opportunity to congratulate the editorial board and the authors, who have contributed to the publication of the UiTM Mukah Bulletin.*

*UiTM Mukah Campus has achieved excellence in the areas of research, publication, and innovation by winning medals at both national and international levels. The publication of 'Inou Dengah UiTM Mukah?' can be a good platform to promote activities and excellent achievement of UiTM Mukah Campus not only in the field of outreach programs, but also research, innovation, and invention. It provides a greater opportunity for UiTM Mukah Campus's visibility.*

*To be in the heartland of Melanau, and to show a sense of community belonging, UiTM Mukah Campus has also recently launched the Melanau Research Centre (PPM) intending to preserve and document the Melanau culture and heritage.*

*With the publication of the campus bulletin, I hope that UiTM Mukah Campus will continue to inspire the community and enhance its visibility and continue to be a university of choice. Let us work and walk hand-in-hand toward becoming a Globally Renowned University (GRU) by the year 2030 and to always remain relevant.*

*Welcome to UiTM Mukah Campus. Your better learning starts here!*



Associate Professor Dr. Saimi Bin Bujang

# Ffrom Assitant Rector's Desk

*Assalamualaikum WBT and greetings. We are thankful to God that we can meet in the inaugural issue of UiTM Mukah Bulletin or also known as "Inou Dengah UiTM Mukah?" which is a newsletter produced with the initiative of the Corporate Communications Unit of UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus. At the same time, I would also like to express my gratitude to the honourable Vice Chancellor, Professor Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, and the honourable Rector of UiTM Cawangan Sarawak, Professor Dato Dr Jamil Haji Hamali, for helping and guiding the administration of UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus.*

*Alhamdulillah, I am grateful to Allah SWT that the Corporate Communications Unit of UiTM Mukah Campus has been able to realize a newsletter for the gaze of all its staffs and other virtual readers. Apart from being intended to be an informative reading material on all staff and students' activities that have been organized around UiTM Mukah Campus, this newsletter can also encourage writing activities among staffs and help them to publish writing that can help with their Key Performance Index (KPI) and Sustainable Development Goals (SDG). I am sure that every other UiTM Mukah Campus staffs will be proud of the existence of this newsletter because this is a beginning for many other upcoming successes for the Corporate Communication Unit of UiTM Mukah Campus.*

*With the publication of this newsletter, some of the activities around the campus can be informed and recorded virtually for our knowledge and memories in the future. The existence of "Inou Dengah UiTM Mukah?" is one of the efforts to achieve the status of Global Renowned University by 2025 (GRU2025). In addition, the publication of this newsletter also aims to achieve the two main agendas of UiTM Mukah Campus, namely UiTM Mukah Campus's Visibility and maximizing the enrolment of 2,000 students by 2024. Having said that, I would like to call on all staffs from this campus to take up this challenge so that the two main agendas I mentioned earlier can be accomplished. Taking this opportunity, I would also like to congratulate and thank the editorial board of this newsletter and the contributions of other parties to make this newsletter a success and a reality.*

*Finally, I pray to Allah SWT that the Corporate Communications Unit of UiTM Mukah Campus will continue to contribute its services to all campus residents for the continuation of more active writing activities that will be contributed by the campus residents, regardless of whether they are staff or students. As Plato, the famous Greek philosopher, once said, "The beginning is the most important part of the work." Thus, I hope to see more editions of "Inou Dengah UiTM Mukah?" will be produced in the future.*

*Thank you.*



## Mohamad Musa Bin Bohari

# Chief Editor's Note

*It is with profound pleasure that we celebrate the launch of the inaugural edition of "Inou Dengah UiTM Mukah?". 'Inou dengah, ' which translates to 'what is up', brings you essential news and updates about the UiTM Mukah Campus. The unique combination with the Melanau terminology 'inou dengah' is significantly related to the concept of connectedness that we forge with the local community.*

*As the new Editor-in-Chief and on behalf of the Editorial Team, I would like to extend a warm welcome to the readers. With your support as readers, I see bright prospects for this Inou Dengah to serve the UiTM community better. I take this opportunity to thank our authors, editors, and all who have volunteered to contribute to the success of this inaugural publication. I close this message by inviting everyone to submit your articles. We hope to hear from you soon.*

# Editorial Board


| | | |
|---|---|---|
| *Advisor:* | : | *Prof. Dato Dr. Jamil Hj. Hamali* |
| *Managing Editor* | : | *Assoc. Prof. Dr. Saimi Bin Bujang* |
| *Chief Editor* | : | *En. Mohamad Musa Bin Bohari* |
| *Deputy Chief Editor* | : | *En. Yahutazi Bin Chik* |
| *Editors* | : | *i. Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin* |
| | | *ii. Pn. Suffina Binti Long* |
| | | *iii. Pn. Nur Nadia Qausar Binti Juhari* |
| | | *vi. Cik Stefanie Natasha Rich Joseph* |
| *Photographers* | : | *Dr. Mohamad Izwan Bin Ismail* |
| *Webmaster* | : | *En. Shileyiusken Mijen* |
| *Layout and Design* | : | *En. Yahutazi Bin Chik* |



| | | |
|---|---|---|
| *Published by:* | : | *Corporate and Communication Unit, UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus* |
| *eISSN* | : | *2976-257X* |
| *Published Date* | : | *14-Nov-22* |

# Welcome to UiTM Mukah Campus



Mula beroperasi di rumah kedai yang disewa. Program pertama yang di perkenalkan ialah Pra-Diploma Perdagangan

**2002**
**DISEMBER**

**2008**
**OKTOBER**

Berpindah ke 14 unit rumah kedai di Boulevard Setia Raja. Dua program baru diperkenalkan iaitu Diploma in Business studies dan Diploma in Planting Management

Majlis Pecah Tanah tapak Kampus Mukah baharu oleh Ketua Menteri Sarawak ketika itu di 7.5 km dari bandar Mukah

**2011**
**APRIL**

**2012**
**APRIL**

Tarikh pembinaan bermula

16 November 2015
Tarikh mula beroperasi di kampus baharu

**2015**
**NOVEMBER**

# Welcome to UiTM Mukah Campus




**K.M 7.5, JALAN OYA, MUKAH**

**CAN ACCOMMODATE 2000 STUDENTS**

**TOTAL AREA: 499.9 ACRES**
**64 ACRES (PFI CAMPUS)**

- **FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT (FBM)**
- **FACULTY OF PLANTATION & AGROTECHNOLOGY (FPA)**
- **FACULTY OF APPLIED SCIENCES**
- **ACADEMY (FSG)**
- **ACADEMY OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES (ACIS)**
- **PROFESSIONAL MUTAWWIF DEVELOPMENT (PMD) (A PARTNERSHIP PROGRAM)**

# List of Programs Offered

**FBM**

FACULTY OF BUSSINESS & MANAGEMENT

BA111 DIPLOMA BUSINESS STUDIES
BA119 DIPLOMA BANKING STUDIES
BA002/BA003 PRE-DIPLOMA (COMMERCE)

**FPA**

FACULTY OF PLANTATION AND AGROTECHNOLOGY

AT110 DIPLOMA IN PLANTING INDUSTRY MANAGEMENT
AT112 DIPLOMA IN HERBAL PRODUCTION
AT117 DIPLOMA AQUACULTURE
AT001/AT002 PRE-DIPLOMA IN AGROTECHNOLOGY

**FSG**

FACULTY OF APPLIED SCIENCES

AS001/AS002 PRE-DIPLOMA SCIENCE
PRE-DIPLOMA SCIENCE (STEM C & ART STREAMS)

**ACIS**

ACADEMY OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES

IC001/IC002 PRE-DIPLOMA ISLAMIC STUDIES

**PMD**

PROFESSIONAL MUTAWWIF DEVELOPMENT (PMD) (A PARTNERSHIP PROGRAM)

DIPLOMA MUTAWWIF PROFESSIONAL & MUSLIM TOUR LEADER

# Facilities in UiTM Mukah Campus





**BLOK PENTADBIRAN SETIA RAJA 2**

- PEJABAT PENGURUSAN INFRASTRUKTUR
- PEJABAT KENDERAAN
- PEJABAT KESIHATAN
- PEJABAT POLIS BANTUAN

**BLOK PENTADBIRAN SETIA RAJA 1**

- BAHAGIAN PENTADBIRAN
- BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
- BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
- PAJABAT INFOSTRUKTUR
- PEJABAT KETUA PUSAT PENGAJIAN DAN KETUA PEJABAT














# Facilities in UiTM Mukah Campus





















# Facilities in UiTM Mukah Campus
















## Randau Pengerusi LPU UiTM
# YBHG. PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH ABU SHAH

Disediakan oleh: Yahutazi Chik

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM (LPU) telah menghadiri program randau bersama warga UiTM Mukah pada 17 Jun 2022 bertempat di Dewan Sri Balau, UiTM Mukah. Program ini telah dihadiri warga kampus Mukah yang terdiri daripada pelajar dan staf akademik dan staf pentadbiran dengan anggaran kehadiran lebih 800 orang warga kampus.



Turut hadir mengiringi YBhg Tan Sri Pengerus LPU UiTM adalah YBhg. Prof. Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak dan juga Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, Penolong Rektor UiTM Mukah. Program dimulakan dengan ucapan aluan Rektor UiTM Sarawak dan sesi pembentangan ringkas mengenai UiTM Mukah untuk makluman YBhg Tan Sri Pengerusi LPU.

*"Beliau turut sekali lagi memberi peringatan mengenai hasrat beliau mahu UiTM menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025*



Sesi randau yang diadakan secara santai tersebut telah mendekatkan lagi warga kampus Mukah dengan salah seorang tokoh yang dihormati UiTM terutamanya dalam perjuangan ITM menuntut pengiktirafan sebagai universiti disamping beliau turut juga pernah menjadi Pengarah ITM Sarawak menjadikan UiTM Cawangan Sarawak sangat dekat dihati beliau. Beliau juga turut berkongsikan pengalaman beliau semenjak dari zaman sebagai pemimpin pelajar sehinggalah beliau menjawat jawatan pentadbiran tertinggi universiti iaitu menjadi Naib Canselor UiTM yang telah mendapat pengiktirafan sebagai universiti pada tarikh keramat pada 26 Ogos 1999. Beliau turut sekali lagi memberi peringatan mengenai hasrat beliau mahu UiTM menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025.



Selesai sesi perkongsian tersebut, beliau telah menyempurnakan sesi penyampaian sumbangan Yayasan Bank Rakyat Tahun 2022 kepada 13 orang penerima sumbangan dan juga kepada 7 orang penerima Zakat Sedekah dan Wakaf daripada Unit Zakat, UiTM Sarawak. Selain itu, beliau berkesempatan menyampaikan sumbangan Bakul Makanan sempena UiTM Program Outreach kepada penerima-penerima yang berkalayakan.

Program *Berloyar dengan* VC

# YBHG. PROF DATUK TEKNOLOGIS (TS.) DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

Disediakan oleh: Yahutazi Chik

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan program *"Berloyar Dengan* VC" bersempena lawatan rasmi julung kali Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke Kampus Mukah sejak kampus baharu tersebut mula beroperasi secara rasmi pada 16 November 2015. Kunjungan tersebut turut disertai oleh Prof. Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Prof. Teknologis (Ts.) Dr. Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi) Universiti Teknologi MARA serta pengurusan kanan UiTM Cawangan Sarawak dan juga rombongan dari UiTM Shah Alam. Ketibaan beliau di Dewan Sri Balau, UiTM Kampus Mukah disambut meriah dengan persembahan tarian selamat datang oleh pelajar-pelajar UiTM Kampus Mukah dalam kostum pelbagai etnik Sarawak serta berlatar bekalangkan muzik iringan tradisional Melanau yang begitu sinonim dengan Mukah.

Program yang berlangsung secara santai memukau hadirin dengan jenaka bersahaja Naib Canselor UiTM dalam berbincang dan berkongsi idea untuk menyerlahkan lagi *'visibility'* UiTM Kampus Mukah sebagai satu-satunya universiti awam di zon tengah wilayah Sarawak. Antara perkongsian beliau adalah untuk menjadikan UiTM Kampus Mukah sebagai pusat penyelidikan dan kecemerlangan yang bakal menerima kunjungan penyelidik-penyelidik bukan sahaja dari dalam negara malah mampu mewujudkan kolaborasi penyelidikan bersama penyelidik di peringkat antarabangsa seperti dalam bidang industri farmaseutikal berasaskan tumbuhan herba di Sarawak dan juga berkaitan komputer yang melibatkan *Internet of Things* (IoT) serta *artificial intelligent* (AI) yang boleh diperluaskan dalam sektor pertanian pintar dan seumpamanya. Beliau juga memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada warga UiTM Kampus Mukah untuk untuk sama-sama berusaha seiring dengan pelan strategik UiTM ke arah menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 atau *Globally Renowned University* 2025 (GRU 2025).





*"...untuk menjadikan UiTM Kampus Mukah sebagai pusat penyelidikan dan kecemerlangan yang bakal menerima kunjungan penyelidik-penyelidik bukan sahaja dari dalam negara malah mampu mewujudkan kolaborasi penyelidikan bersama penyelidik di peringkat antarabangsa.."*

Lawatan julung kali Naib Canselor Universiti Teknologi MARA tersebut ke UiTM Kampus Mukah ini sungguh bermakna kerana beliau merupakan Naib Canselor wanita pertama yang pernah dilantik menyandang jawatan tersebut sejak 65 tahun institusi ini diwujudkan. Di samping sesi bual bicara "Berloyar Dengan VC", program lawatan beliau turut dimeriahkan dengan pameran STEM serta pencapaian penyelidikan dan inovasi oleh pensyarah-pensyarah UiTM Kampus Mukah yang telah memenangi pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai simbolik lawatan pertama ke Kampus Mukah beliau turut berpeluang menanam sepohon anak pokok pain bintang (*Araucaria heterophylla*) di perkarangan Dewan Sri Balau serta melepaskan anak ikan ke kolam Pusat Akua dan Agrotek. Majlis berakhir dengan beliau merasmikan pelancaran 'Foodbank' UiTM Kampus Mukah serta menyampaikan sumbangan bakul makanan daripada 'Foodbank' kepada pelajar-pelajar yang terpilih. Majlis turut menyaksikan penyampaian cek sumbangan dana 'FoodBank' kepada Prof. Madya Dr. Saimi Bujang, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah oleh KP Mukah Development Sdn Bhd melalui GFM Services Berhad berjumlah RM2000 serta Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Sarawak berjumlah RM1000.

## Seminar PPM Siri 1

# NEGERI TUA MELANAU

Disediakan oleh: Yahutazi Chik, Suffina Long & Mohamad Musa Bohari

Pusat Penyelidikan Melanau (PMM) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dengan kerjasama Persatuan Melanau Mukah (PMM) telah menganjurkan program Seminar Negeri Tua Melanau Siri 1 yang telah diadakan pada 28 Mac 2022 di Kingwood Hotel Mukah. Bagi Siri pertama seminar Melanau diadakan khas untuk peserta-peserta yang terdiri daripada seramai 30 orang pemimpin-pemimpin tempatan sperti ketua-ketua kampung dan pegnhulu dan tokoh-tokoh berkaitan pemiliharaan warisan Melanau bagi kawasan Mukah. Sementara itu, Seminar Siri 2 pula telah diadakan pada 26 Julai 2022 di Dewan Kuliah Tellian, UiTM Mukah juga telah menghimpunkan pemimpin-pemimpin tempatan dari Kawasan Balingian. Kedua-dua siri seminar tersebut telah dirasmikan oleh YB Abdul Yakub Bin Haji Arbi, ADUN N58, Balingian merangkap Pengerusi Persatuan Melanau Mukah (PMM). Dalam ucapan perasmiannya, beliau menyokong penuh usaha Pusat Penyelidikan Melanau, UiTM Kampus Mukah dan Persatuan Melanau Mukah untuk meneruskan siri-siri jelajah Seminar Negeri Tua Melanau yang berikutnya di Oya, Dalat, Igan, Balingian, Belawai, Tanjung Manis dan juga Daro. Beliau turut berharap usaha ini akan berjaya membongkar khazanah-khazanah silam Melanau seperti penemuan artifak, salasilah, manuskrip dan pelbagai bahan yang mempunyai nilai sejarah seterusnya memberi naratif baharu kepada sejarah kaum Melanau yang amat disegani suatu ketika dahulu terutamanya kepada generasi-generasi akan datang.

Di samping itu, program juga turut dihadiri oleh Profesor. Madya Dr. Saimi Bujang, Penolong Rektor, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah yang telah memberikan ucapan aluan dan pembentangan berkenaan dengan negeri tua Melanau. Selain daripada itu, turut meluangkan masa menghadiri seminar tersebut ialah Encik Shafrie Bin Saili, pemangku residen bahagian Mukah, Encik Peleadzman Anak Ahip, pemangku pegawai daerah Mukah, Tuan Haji Kadir Bin Haji Jamil, Walikota, Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM), Tuan Hj. Mohd. Jali Bin Kawi, pemanca daerah Mukah dan Encik Pengiran Saifudzin Bin Pengiran Mahtar, Pegawai Eksekutif Kanan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah merangkap timbalan ketua Pusat Penyelidikan Melanau, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.

Dalam ucapan aluan dan sesi pembentangan negeri tua Melanau Siri 1 dan Siri 2, Prof. Madya Dr. Saimi Bujang memaklumkan bahawa terdapat khazanah-khazanah sejarah negeri-negeri tua lain di Sarawak yang belum diterokai sepenuhnya sebelum kedatangan penjajah James Brooke pada tahun 1841, sedangkan kewujudan negeri-negeri tua Sarawak telah dibuktikan melalui Catatan China, Kekawin Negarakertagama, peta-peta lama Borneo, naskah-naskah Kesultanan Brunei, catatan James Brooke, catatan Charles Brooke, catatan pegawai-pegawai James Brooke dan lain-lain lagi

> *"...memberi naratif baharu kepada sejarah kaum Melanau yang amat disegani suatu ketika dahulu..."*

Menurutnya lagi, dalam catatan manuskrip tersebut dengan jelas menyatakan kewujudan beberapa negeri-negeri tua Sarawak termasuklah negeri Melanau, negeri Rejang, negeri Oya dan negeri Igan. Oleh itu, sebagai satu-satunya universiti awam yang terdapat di Mukah, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah mengambil insentif untuk menubuhkan Pusat Penyelidikan Melanau (PPM) yang akan memfokuskan kepada tiga aspek utama, iaitu; menjadi pusat penyelidikan Melanau terkemuka, sebagai pusat dokumentasi dan maklumat Melanau dan sebagai pusat pameran Melanau.

Selain sesi pembentangan oleh Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, program turut melibatkan sesi dialog dan perkongsian pandangan dan idea bersama para peserta yang terdiri daripada pemimpin tempatan dan pengkaji sejarah Melanau. Diantara mereka yang mengambil bahagian dalam sesi dialog tersebut adalah Encik Tommy Black Mark Lang, pemilik Muzium Mini Sapan Puloh dan beberapa pempimpin tempatan yang lain yang telah memberikan pandangan mengenai beberapa sejarah Melanau. Program berakhir dengan persetujuan untuk pihak Pusat Penyelidikan Melanau UiTM Kampus Mukah untuk mengadakan perbincangan lebih mendalam bersama para pemimpin tempatan dan pengkaji sejarah Melanau yang lain mengenai beberapa bahan artifak dan bukti sejarah yang lain yang akan membongkar sejarah negeri tua Melanau dengan lebih mendalam.



## Program Berlanggar Meja
# GAWAI RAYA 2022

Disediakan oleh: Yahutazi Chik



Pandemik Covid-19 telah membataskan aktiviti yang melibatkan khalayak yang ramai sejak berlaku penularan Covid-19 dan rentetan daripada pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara. Bagaimanapun, setelah melalui fasa endemik, program berlanggar meja Raya Gawai 2022 yang kebetulan hari raya jatuh sebelum perayaan gawai pada tahun ini telah diadakan pada 18 Mei 2022 di Dewan Sri Balau, UiTM Mukah. Program yang julung-julung kalinya diadakan semenjak penularan wabak Covid-19 tersebut telah dimeriahkan oleh warga kampus terdiri daripada pelajar-pelajar dan staf akademik dan staf sokongan UiTM Mukah. Program turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, Penolong Rektor Kampus Mukah sebagai tetamu kehormat. Disamping itu program turut dimeriahkan dengan penglibatan warga kerja *Global Facility Management* (GFM).

Program berlanggar meja Raya Gawai 2022 dimulakan dengan YBhg Penolong Rektor datang melawat atau "berjarah" ke gerai-gerai yang terdiri daripada 11 gerai dari kalangan staf dan pelajar UiTM Mukah serta gerai GFM yang menyediakan juadah istimewa hari raya dan perayaan gawai sebagai simbolik perasmian program berlanggar meja Raya Gawai 2022. Acara "berjarah" dari gerai ke gerai menjadi lebih meriah dengan acara pantun Raya Gawai daripada wakil setiap gerai.

Setiap gerai yang menyediakan juadah Raya Gawai 2022 dikehendaki menyampaikan dua rangkap pantun Raya Gawai disamping pertandingan gerai "potluck" terbaik sempena majlis berlanggar meja Raya Gawai 2022. Untuk berkaku adil, juri jemputan dari luar UiTM Mukah yang terdiri daripada 6 orang juri dari CENTEX Mukah dan Politeknik Mukah telah dijemput untuk membuat pemarkahan ke atas semua gerai yang bertanding bagi meraih gelaran anugerah gerai "potluck" terbaik bagi program berlanggar meja Raya Gawai 2022.

Disamping pertandingan gerai potluck terbaik program berlanggar meja Raya Gawai 2022, program turut diselang-selikan dengan sesi cabutan bertuah dan juga cabutan duit raya kepada para pelajar yang bertuah. Kemuncak acara adalah pengumuman keputusan bagi gerai "potluck" terbaik program berlanggar meja Raya Gawai 2022. Setelah penjurian, gerai daripada Pusat Pengajiaan Sains, Perladangan dan Agroteknologi bersama Unit Ladang dan Makmal Sains, UiTM Mukah telah merangkul anugerah gerai "potluck" terbaik bagi Raya Gawai 2022.

> ***"Setiap gerai yang menyediakan juadah Raya Gawai 2022 dikehendaki menyampaikan dua rangkap pantun Raya Gawai…"***



## UiTM Mukah Anjurkan

# KEJOHANAN BOLA TAMPAR 2022

Disediakan oleh: Tracy Adeline Ajol

Satu Kejohanan Bola Tampar Peringkat UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah anjuran Persatuan Bola Tampar UiTM Mukah telah diadakan pada 17 sehingga 23 Januari 2022 bertempat di Gelanggang Bola Tampar UiTM Kampus Mukah. Seramai 8 pasukan yang terdiri daripada pelajar dan staf UiTM Kampus Mukah telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini telah berlangsung selama seminggu bermula 5.30 petang sehingga 7.30 malam. Di akhir kejohanan, kumpulan Arrow Spiker telah dinobatkan sebagai Johan, manakala Naib Johan disandang oleh kumpulan Mawar Berduri dan tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan Ikan Santai.

Objektif penganjuran kejohanan adalah untuk menggalakkan pelajar dan staf UiTM Mukah menjalani aktiviti sihat yang menyumbang kepada kesihatan yang baik bukan sahaja tubuh badan tetapi juga kepada kesihatan mental, sejajar dengan matlamat SDG *"Good Health and Well Being"*. Kesihatan yang baik secara tidak langsung turut menjurus kepada *"Good Quality Education"*. Sedikit sebanyak aktiviti ini dapat meringankan tekanan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang menjalani kelas secara online (ODL). Di samping itu, penganjuran kejohanan sukan ini dapat memberikan ruang dan peluang kepada pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang berpotensi dalam sukan Bola Tampar untuk menyerlahkan bakat terpendam dalam sukan tersebut dan seterusnya diharap mampu mewakili UiTM ke peringkat pertandingan yang di peringkat lebih tinggi pada masa akan datang.







## Program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan

# KAWASAN TELIAN, MUKAH

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi, Agnes Kanyan, Siti Farah Lajim & Noor Emma Shamsuddin



Pada 21 – 22 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Tellian Mukah, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat N.57 Tellian telah menganjurkan Program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan Kawasan Tellian, Mukah. Program ini dilaksanakan selama dua hari dengan memfokuskan pada kesedaran & kesediaan komuniti dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sebagai persediaan untuk menaik taraf perniagaan daripada penjaja kepada pemilikan tunggal.

Program pada hari pertama telah dirasmikan oleh Encik Royston Valentine, wakil rakyat DUN Tellian N.57, yang turut dihadiri agensi – agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah Mukah, Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM), dan MARDI. Majlis juga turut disertai oleh ketua-ketua masyarakat, penyelaras projek dan para peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Tellian. Seramai 62 orang peserta telah dipilih untuk mengikuti program ini yang terdiri daripada penduduk kawasan Tellian. Selain itu, mereka juga amat digalakkan untuk meneruskan penyertaan dalam 5 program yang lain di mana program pembangunan komuniti ini akan berlangsung selama 2 tahun.



Lima orang penceramah jemputan dari kalangan pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, wakil – wakil agensi kerajaan dan usahawan alumni UiTM telah terlibat menyempurnakan pengisian program. Hasil daripada bimbingan penceramah- penceramah yang berpengalaman ini, para peserta telah memperolehi pelbagai manfaat seperti pengetahuan berkenaan pendaftaran perniagaan, pendedahan tentang asas keusahawanan, pemasaran, operasi dan juga penggunaan aplikasi Gooino yang dibangunkan untuk kegunaan bersama setelah tamat keseluruhan program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan ini.

## Unit Kesihatan UiTM Mukah terima kunjungan

# PENGARAH PUSAT KESIHATAN UiTM SHAH ALAM

Disediakan oleh: Nurul Ain binti Sulaiman

Unit Kesihatan UiTM Mukah telah menerima lawatan daripada delegasi rombongan daripada Pusat Kesihatan UiTM Shah Alah pada 20 – 21 September 2022. Delegasi rombongan ini diketuai oleh Dr Zaiton Nasir selaku Pengarah Pusat Kesihatan dan diiringi oleh Dr Fariruddin Rastam (Pegawai Perubatan) dan Encik Mohamad Hafiz Suhaimi dan Encik Mohd Fazreen Zakaria masing-masing merupakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam



> *"...majlis pelancaran penggunaan Sistem CLiS sepenuhnya untuk perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta farmasi di Unit Kesihatan UiTM Mukah."*



Diantara objektif program lawatan daripada rombongan Pengarah Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam ini adalah untuk mengenal pasti pemasangan dan ujilari Sistem CLiS di Unit Kesihatan UiTM Kampus Mukah. Disamping itu, program ini juga turut menjadi platfom perjumpaan Pengarah Pusat Kesihatan Shah Alam bersama Penolong Rektor Kampus Mukah serta staf Unit Kesihatan Cawangan Sarawak. Selain itu, lawatan ini turut menyaksikan majlis pelancaran penggunaan Sistem CLiS sepenuhnya untuk perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta farmasi di Unit Kesihatan UiTM Mukah. Program turut melibatkan perbincangan mengenai hala tuju perkhidmatan perubatan dan kesihatan Unit Kesihatan Kampus Mukah.

## Lawatan Penanda Aras Kerjasama Pertanian Pintar daripada POLITEKNIK MUKAH

Disediakan oleh: Yahutazi Chik

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menerima kunjungan lawatan penanda aras daripada Unit *Centre of Technology (CoT),* Politeknik Mukah. Program lawatan penanda aras ke Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Mukah ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pihak pengurusan Politeknik Mukah dan barisan pegawai yang terlibat untuk meninjau dan mendapatkan maklumat berkaitan teknologi perladangan dan agroteknologi.

Delegasi rombongan lawatan yang diketuai oleh Encik Iskandar Bin Reduan, Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Mukah, turut disertai oleh Puan Nurul Asmahani Binti Osman, Ketua Unit Pembangunan CoT, Puan Aisyah Suhailla Binti Hj. Jili, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Ts. Rahim Bin Ishak Fasilitator II CoT, Encik Rudolf Bin Felix Baising Pegawai CoT (Latihan Pengajaran & Pembelajaran), Puan Jessie Binti Selahat Pegawai CoT (Pengiktirafan, Penilaian & Pelaporan), Puan Nur Shaminie Binti Wakimin Pegawai CoT (Penyelidikan Dan Inovasi), Encik Pengiran Haffey Izzat Bin Abdul Ghafor Pegawai CoT (Penyelidikan Inovasi dan Penerbitan), Encik Muhamad Izzat Bin Mohd Fauzi Pegawai CoT (Pengajaran & Pembelajaran), Encik Muhamad Azizi Bin A. Rahman Pegawai CoT (Perkhidmatan Kepakaran,Kolobrasi, Pengiktirafan) serta beberapa orang pensyarah daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta beberapa orang pelajar daripada ke jabatan tersebut.

Rombongan lawatan telah disambut oleh Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, Penolong Rektor, UiTM Kampus, Mukah. Turut hadir menyambut ketibaan rombongan adalah Encik Muhamad Syukrie Bin Hj. Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian, Sains Perladangan dan Agroteknologi dan Puan Dayang Hummida Binti Abang Abdul Rahman, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan serta En. Pgn. Saifudzin b. Pgn. Mahtar Ketua Unit (Pegawai Eksekutif Kanan) Unit Hal Ehwal Akademik, En. Mohammad Ismaily b. Hajani, Ketua Unit (Pegawai Eksekutif) Unit Hal Ehwal Pelajar, En. Abg. Shawn Fendi b. Abg Keprawi, Ketua Unit (Penolong Pengurus Ladang) Unit Pengurusan Ladang & Lanskap, En. Yahutazi b. Hj. Chik Penyelaras Unit Komunikasi dan Korporat , Dr. Mohamad Izwan b. Ismail, Penyelaras Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, En. Mohd Shafik b. Samsi Penyelaras MASMED, En. Arif Azizi b. Che Harun Penyelaras Misi Akademik Pensyarah dan juga turut dihadiri oleh para pensyarah Pusat Pengajian Sains dan Perladangan dan staf-staf Unit Ladang & Landskap, UiTM Kampus Mukah.



Program lawatan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof. Madya Dr. Saimi Bujang serta ucapan balas daripada Encik Iskandar Bin Reduan. Program diteruskan dengan pembentangan mengenai Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi oleh Encik Muhamad Syukrie Bin Hj. Abu Talip. Selesai pembentangan, perbincangan dua hala telah diadakan mengenai kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak mengikut kepakaran bidang masing-masing yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Pejabat Penolong Rektor, UiTM Kampus Mukah. Diantara perkara yang dibincangkan adalah melibatkan perkongsian teknologi pertanian pintar diantara Unit *Centre of Technology* (CoT) dan Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi. Sesi diteruskan dengan semua para peserta dibawa melawat Pusat Akua dan Agrotek, UiTM Kampus untuk meninjau projek-projek pertanian yang sedang diusakan seperti penternakan ikan air tawar, tanaman cili menggunakan kaedah fertigasi dan tanaman sayuran menggunakan kaedah hidroponik dan akuaponik. Program lawatan ini merupakan lawatan susulan delegasi UiTM Kampus Mukah ke Politeknik Mukah yang telah diadakan 23 Februari 2022 yang lepas.



## UiTM Mukah terima lawatan rasmi daripada delegasi

# PENGURUSAN KANAN DAN DEKAN FSG UiTM SHAH ALAM

Disediakan oleh: Yahutazi Chik, Amirah Khairunnisa Mohamad & Dr. Mohamad Izwan Ismail








UiTM Mukah telah berbesar hati menerima lawatan rasmi delegasi pengurusan kanan Fakulti Sains Gunaan yang diketuai oleh YBhg . Prof. Dr Hajah Faridah Zuraina Mohd Yusof, Dekan Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam pada 28 September 2022. Rombongan turut disertai pengurusan kanan Fakulti Sains Gunaan yang terdiri daripada YBhg. Prof. Ts Dr. Mohd Rozi Bin Ahmad (Timbalan Dekan HEA), Prof. Madya Chm Dr. YM Raja Razuan Raja Deris (Timbalan Dekan Hep), Prof. Dr. Ab. Malik Marwan Ali (Timbalan Dekan PJIA), Puan Nor Haslinda Mohamed Alias (Timbalan Pendaftar) dan Puan Shaheda Ismail (Timbalan Pegawai Sains).

Kehadiran rombongan telah disambut oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Saimi Bujang, Penolong Rektor, UiTM Mukah. Turut menerima kehadiran rombongan pengurusan kanan FSG adalah Dr. Mohamad Izwan Ismai (Koordinator RMU), En. Yahutazi Bin Chik (Penyelaras UKK), Puan Amirah Khairunnisa Mohamad (Penolong Pegawai Sains) Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar (Pegawai Eksekutif Kanan HEA), En. Mohamad Ismaily Hajani (Pegawai Ekskutif, HEP), dan juga Puan Aisyah Yahya serta Puan Siti Hanizah Bt. Ramli @ Rapee, Pembantu Makmal di Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBhg Penolong Rektor serta tayangan video korporat UiTM Mukah. YBhg Dekan FSG turut dijemput untuk berkongsikan

Kehadiran delegasi rombongan pengurusan kanan Fakulti Sains Gunaan adalah merupakan lawatan susulan rentetan daripada lawatan YBhg. Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM ke Kampus Mukah pada 20 Februari 2022 yang lepas untuk menyahut saranan bagi meningkatkan *visibility* UITM Mukah serta menyumbang ke arah status sebagai *Globally Renowned University* (GRU) menjelang 2023. Diantara perkara yang dibincangkan semasa lawatan tersebut adalah untuk meningkatkan jalinan Kerjasama FSG dan UiTM Mukah terutamanya dalam aspek penyelidikan serta penyeliaan pelajar terutamanya pelajar pasca siswazah bagi meningkatkan penggunaan kemudahan makmal serta pusat penyelidikan di tahap optimum.

Delegasi rombongan seterusnya mengadakan lawatan ke bangunan Fakulti Sains Gunaan UiTM Mukah untuk melihat dengan sendiri kemudahan-kemudahan di makmal dan pusat penyelidikan seterusnya mengenal pasti potensi kerjasama bidang penyelidkan yang boleh dilakukan dengan diantara Fakulti Sains Gunaan dan UiTM Mukah.

## Lawatan Penanda Aras Secara Virtual Bagi Tujuan Semakan Kurikulum AT112 ke

# KKTM LENGGONG, PERAK DAN UIAM KUANTAN, PAHANG

Disediakan oleh: Yahutazi Chik & Muhamad Syukrie Abu Talip

Pandemik Covid-19 telah mempengaruhi kehidupan seharian dengan pendekatan norma baharu termasuklah aspek lawatan secara fizikal ke sesuatu institusi. Disebabkan situasi semasa pandemik Covid-19, pihak Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah mengadakan lawatan penandaaras (*benchmarking*) secara virtual ke Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong, Perak dan ke Kuliyyah of Science, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan masing-masing pada pada 18 Disember 2021 dan pada 22 Disember 2021 yang lalu menggunakan platfom Google Meet bagi tujuan penanda aras untuk semakan kurikulum program Diploma Pengeluaran Herba (AT112).

Program penanda aras telah dilakukan ke atas dua program akademik peringkat Diploma yang ditawarkan oleh Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong, Perak iaitu program Diploma Herba dan Hasilan Semulajadi (Sains Herba) dan Diploma Herba dan Hasilan Semulajadi (Pembuatan ) manakala penanda aras bagi Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Tumbuhan Gunaan, yang ditawarkan oleh Kuliah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan.

Objektif lawatan penanda aras ini dilakukan adalah untuk membuat perbandingan kekuatan dan kelemahan program Diploma Pengeluaran Herba berbanding program Diploma Herba dan Hasilan Semulajadi (Sains Herba) dan Diploma Herba dan Hasilan Semulajadi (Pembuatan), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Lenggong, Perak dan program Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Tumbuhan Gunaan, yang ditawarkan oleh Kuliah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan bagi tujuan semakan kurikulum ke arah High-End TVET@UiTM. Disamping itu, diantara objektif lain lawatan penanda aras ini adalah untuk meningkatkan jalinan akademik dengan institusi akademik lain di Malaysia yang turut menawarkan program akademik dalam bidang herba. Selain daripada itu, lawatan akademik ini juga bertujuan untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada pihak Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan bagi tujuan penambahbaikan program Diploma Pengeluaran Herba (AT112). Semua pihak yang berkepentingan terdiri daripada Pensyarah Sumber (*Resource Person*) dan juga Pensyarah Program telah dijemput untuk menghadiri sesi lawatan secara virtual ini. Siri pertama lawatan penanda aras bagai tujuan semakan kurikulum AT112 ke KKTM Lenggong, Perak telah diketuai oleh En. Muhamad Syukrie Bin Hj. Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian, Sains Perladangan dan Agroteklogi, UiTM Kampus Mukah.

> *"antara objektif lain lawatan penanda aras ini adalah untuk meningkatkan jalinan akademik dengan institusi akademik lain di Malaysia yang turut menawarkan program akademik dalam bidang herba"*

Turut hadir ialah Dr. Siti Nor Ain Seri Binti Masran, Penyelaras UHEK UiTM Cawangan Sarawak, Cik Nur Ain Binti Abu Bakar, Ketua Unit Kualiti, UiTM Kampus Mukah, dan En. Yahutazi Bin Hj. Chik, Pensyarah Kanan merangkap Penyelaras bagi lawatan penanda aras.

Kehadiran daripada pihak KKTM Lenggong pula terdiri daripada Tn. Hj. Wan Sabri Bin Wan Ismail, Pengarah, KKTM Lenggong. Turut hadir ialah Pn. Rosnani Binti Mohamad Rosdi, Timbalan Pengarah Hal Ehwak Akademik, KKTM Lenggong. Sesi lawatan penanda aras yang dilakukan ke KKTM Lenggong dan UIAM Kampus Kuantan melihat lima aspek utama iaitu pengambilan pelajar, struktur kurikulum program, kebolehpasaran graduan, jumlah staf akademik dan sokongan dan kemudahan dan prasarana jabatan. Dapatan daripada lawatan penanda aras amatlah penting sebagai salah satu input bagi tujuan semakan kurikulum Diploma Pengeluaran Herba (AT112).



## Siri Kuliah Matematik – Etnomatematik: Menjambatani Matematik dengan Masyarakat anjuran

# FSKM, UiTM MUKAH

Disediakan oleh: Nor Hilaliyah Mohd Jamil, Muhammad Shahimi Ariffin & Hazfina binti Mohamed Idris




> *"Antara intipati penting kuliah ialah pengaruh Bahasa Melayu dalam Matematik dan Fizik moden, di samping penekanan tentang istilah-istilah yang bersesuaian dengan Bahasa Melayu berbanding istilah-istilah yang dicedok terus dari barat."*



Pada 23 Mac 2022 Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan siri kuliah Matematik yang pertama iaitu Etnomatematik: Menjambatani Matematik dengan Masyarakat. Program ini telah dijalankan secara dalam talian melalui pelantar *Cisco Webex* dan dalam masa yang sama disiarkan secara langsung di *Facebook* rasmi UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Matlamat penganjuran adalah untuk mendedahkan cabang ilmu baru kepada pendidik dan penyelidik khususnya dalam bidang Matematik di samping memupuk minat orang awam dan kakitangan universiti kepada isu masyarakat. Program selama 2 jam ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 200 orang peserta.

Penceramah jemputan, Prof. Emeritus Dr. Shaharir Md Zin memulakan sesi kuliah dengan penceritaan salasilah awal sejarah ilmu Matematik dan Etnomatematik. Antara intipati penting kuliah ialah pengaruh Bahasa Melayu dalam Matematik dan Fizik moden, di samping penekanan tentang istilah-istilah yang bersesuaian dengan Bahasa Melayu berbanding istilah-istilah yang dicedok terus dari barat. Selain itu, penceramah juga ada membincangkan tentang kebiasaan masalah Matematik yang wujud dalam kalangan masyarakat. Antaranya adalah terlalu terikut-ikut dengan kebudayaan sesuatu bangsa atau tamadun luar atau yang diistilahkan sebagai tamadun barat.

Penceramah juga berharap agar lebih ramai lagi ahli Matematik yang berminat untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Kejayaan dari siri kuliah pertama kali ini diharapkan dapat menjadi pembuka semangat kepada penganjuran siri kuliah yang akan datang terutamanya yang berkaitan dengan hal-hal etnomatematik. Penganjuran siri kuliah seperti ini juga diharap dapat membuka mata ahli-ahli akademik di luar sana agar lebih celik terhadap isu-isu yang boleh diketengahkan khususnya dalam penyelidikan dan penerbitan.

## Program Webinar Motivasi Diri "Refresh Our Mind" bersama CIKGU EMET

Disediakan oleh: Yahutazi Chik , Amirah Khairunnisa Mohamad & Juriah Japar

Kelab Kakitangan (KEKITA) UiTM Cawangan Sarawak dengan Kerjasama UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah mengadakan program webinar motivasi diri "refresh our mind" bersama cikgu Emet pada 01 April 2022 dari jam 9-11 pagi. Terdapat tiga objektif penganjuran program yang diadakan secara virtual ini, yang pertama, untuk memperbaharui semangat, potensi, perasaan, etika, dan sahsiah diri peserta dalam menjalani kehidupan dalam fasa peralihan ke era endemic, yang kedua untuk meningkatkan potensi diri para peserta dalam tugasan harian masing-masing dan yang ketiga untuk melahirkan jiwa baharu yang lebih positif di dalam diri para peserta.

Menampilkan Encik Ahmad Faizal bin Osman yang berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pentadbiran Kurikulum SK Pulau Seduku, Sri Aman atau lebih dikenali dengan nama Cikgu Emmet sebagai penceramah motivasi semestinya menarik minat ramai peserta untuk menyertai webinar ini. Umum mengetahui bahawa Cikgu Emmet merupakan ikon yang terkenal di platform media sosial seperti *Faceboo*k dan tiktok di Sarawak khususnya di atas penulisan beliau yang sering menambat hati para pembacanya disamping pernah dinobatkan sebagai Duta Guru Nadi Negara tahun 2019.

Sesi webinar tersebut yang telah dimudahcara oleh En. Yahutazi Bin Hj. Chik, Penyelaras Komunikasi dan Korporat UiTM Kampus Mukah telah berlangsung secara virtual melalui platform Webex dan telah dihadiri oleh lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada warga UiTM Cawangan Sarawak dan peserta dari luar UiTM. Program yang turut disiarkan secara langsung di facebook rasmi UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah turut mendapat 400 lebih tontonan daripada masyarakat umum. Diantara perkongsian Cikgu Emet dalam sesi webinar tersebut adalah cabaran-cabaran dalam kehidupan, cara untuk keluar daripada zon selesa dalam pekerjaan dan persekitaran positif ditempat kerja. Disamping itu, beliau turut menyentuh tiga nilai (values) utama iaitu ESI, *excellence, synergy,* dan *integrity* dalam konteks UiTM dan iDART (ilmu, disiplin, Amanah, rajin dan Tanggjungjawab) sebagai panduan aspek pekerjaan seharian warga UiTM Sarawak.




*…"tiga nilai (values) utama iaitu ESI, excellence, synergy, dan integrity dalam konteks UiTM dan iDART (ilmu, disiplin, Amanah, rajin dan Tanggjungjawab) sebagai panduan aspek pekerjaan seharian warga UiTM Sarawak."*



## Bengkel Pemantapan Asas Kewangan Bagi

# BUSINESS PLAN ENT300

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi, Dr. Abg Feizal Abg Ibrahim, Siti Farah Lajim, Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin & Dyg Hummida Abg Abdul Rahman




> *"Kekurangan dalam ilmu pengurusan kewangan merupakan salah satu faktor kegagalan yang dialami oleh banyak perniagaan di Malaysia."*




Fundamentals of Entrepreneurship (ENT300) merupakan salah satu kursus wajib bagi semua pelajar yang sedang menjalani program diploma UiTM. Sedia maklum, tidak semua program diploma yang ditawarkan kepada para pelajar menyediakan kursus yang berkait dengan kemahiran pengurusan kewangan. Kursus seperti ini merupakan satu keperluan dalam menyediakan rancangan perniagaan ataupun *Business Plan*. Kekurangan dalam ilmu pengurusan kewangan merupakan salah satu faktor kegagalan yang dialami oleh banyak perniagaan di Malaysia.

Tanggal 8 Januari 2022, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menyediakan sesi Bengkel Pemantapan Asas Kewangan bersama Dr. Abg Feizal Bin Abg Ibrahim. Beliau merupakan seorang pakar bidang kewangan dari kampus Samarahan untuk membantu para pelajar di kampus Mukah dalam memahami pengurusan kewangan. Beliau juga turut membantu pelajar dalam teknik pengisian input kewangan seperti dalam templat kewangan yang telah dibangunkan oleh pihak MASMED UiTM, Shah Alam. Bengkel ini telah mendapat sambutan yang menggalakan yang asalnya hanya menyasarkan kepada 100 penyertaan sahaja, namun seramai 214 pelajar telah hadir pada bengkel tersebut. Bengkel ini telah berjalan selama 3 jam dan hasil dari maklum balas dari para peserta, menyatakan bengkel ini dapat dilaksanakan lebih lama.

Kesimpulan, bengkel sebegini harus diadakan setiap semester bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar dari bidang bukan aliran perniagaan untuk mempelajari mengenai ilmu pengurusan kewangan. Sesuai dengan visi UiTM itu ditubuhkan adalah untuk merapatkan jurang kemiskinan masyarakat bumiputera dengan kaum lain di Malaysia dan bidang keusahawanan adalah salah satu cara yang terbaik untuk mencapai visi ini.

## Projek Khidmat Masyarakat Komuniti Kampung Judan

## PROJEK SULAM UiTM MUKAH

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi & Juriah Japar

Pada semester Mac hingga Ogos 2022, Unit Kokurikulum Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah melalui Kod Kokurikulum HPD133 (Khidmat Masyarakat I) telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Judan, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan Judan serta penduduk Kampung Judan, Mukah untuk menjayakan penganjuran program khidmat masyarakat serta SULAM bersama warga penduduk kawasan tersebut. Pada semester ini, pelajar yang mendaftar kod kokurikulum tersebut adalah seramai 60 orang pelajar dan diselia oleh dua orang jurulatih iaitu Puan Juriah Binti Japar dan Encik Ahmad Faisal Bin Mahdi.

Projek tersebut telah dipersetujui bersama pihak JKKK Kampung Judan dan merupakan projek dua-hala di mana pihak Universiti menghantar pelajar ke Kampung Judan dan pihak Kampung Judan juga telah bertandang ke kampus bagi mengeratkan hubungan antara Universiti dan komuniti setempat. Program Gotong Royong Tabika Perpaduan Judan dan Lan Belajar Bermukun merupakan program kerjasama di antara UiTM dan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan Judan.

Sepanjang kerjasama tersebut pelbagai aktiviti telah diadakan bagi membantu bukan saja keceriaan Tabika Perpaduan Judan dan pantai Kampung Judan, bahkan mendidik sambil berhibur bersama anak-anak Kampung Judan dalam meningkat keyakinan mereka dalam bertutur Bahasa Inggeris. Program Lan Belajar Bermukun telah mengajar pelajar UiTM sejenis kebudayaan negeri Sarawak yang telah disampaikan oleh Puan Normala binti Bosman merupakan seorang Mak Gendang Mukun yang terkenal di sekitar kawasan Mukah. Program lain yang juga telah dijalankan bersama penduduk Kampung Judan pada semester ini adalah seperti berikut:

| Program | Tarikh Pelaksanaan | Tempat |
|---|---|---|
| 1.Gotong-Royong Tabika Perpaduan Judan, Mukah | 22 Mei 2022 | Tabika Perpaduan Judan |
| 2.Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Kampung Judan, Mukah | 25 Jun 2022 | Pantai Kampung Judan |
| 3.Lan Belajar Bermukun Bersama UiTM Mukah | 25 Jun 2022 | Dewan Kuliah Tellian, UiTM |
| 4.English Adventure Camp Bersama Anak-Anak Kampung Judan, Mukah | 26 Jun 2022 | Dewan Masyarakat dan Sekitar Kampung Judan |

Penduduk kampung menyambut baik dan berterima kasih kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di atas kesudian memeriahkan aktiviti komuniti Kampung Judan. Pelajar UiTM khususnya pelajar Kokurikulum HPD133 amat gembira kerana telah berjaya menganjur pelbagai program dan aktiviti. Penganjuran aktiviti seperti ini sangat baik untuk didedahkan kepada pelajar di awal semester supaya dapat mengajar mereka untuk menjadi graduan yang serba boleh serta berketrampilan dan dalam masa yang sama melahirkan modal insan yang seimbang dari segi akademik dan kokurikulum.





## Fetival Bola Hibrid Anjuran

# JPK SERI KUALA

Disediakan oleh: Ikhwan Naguib Jusoh

Tanggal 14-15 Mei 2022 telah berlangsung dengan jayanya program Festival Bola Hibrid anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Seri Kuala (JPK SKL), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Inilah adalah program pertama pada semester ini dianjurkan oleh JPK SKL dengan bimbingan Encik Ikhwan Naguib bin Jusoh sebagai penasihat program dan telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada para penghuni Kolej Kediaman Seri Kuala 1 dan Seri Kuala 2. Syabas diucapkan kepada JPK Seri Kuala atas promosi yang berkesan!



Program ini terbahagi kepada 2 acara iaitu pertandingan sukan futsal lelaki dan pertandingan sukan secara atas talian iaitu *esport* (EA Sport FIFA21). Kolej Kediaman telah rancak kembali dengan aktiviti-aktiviti secara fizikal selepas sunyi akibat pandemic Covid 19. Ini secara tidak langsung memberi ruang kepada para pelajar untuk beriadah sambil melepaskan tekanan belajar. Antara objektif program ini adalah menggalakkan para pelajar untuk bersukan dan mengcungkil bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan untuk mewakili universiti bagi program anjuran pihak luar seterusnya menaikkan lagi nama baik universiti.

> *“Kolej Kediaman telah rancak kembali dengan aktiviti-aktiviti secara fizikal selepas sunyi akibat pandemic Covid 19. Ini secara tidak langsung memberi ruang kepada para pelajar untuk beriadah sambil melepaskan tekanan belajar”*



Sebanyak 12 pasukan pertandingan sukan futsal telah bertanding dan seramai 24 orang peserta bagi pertandingan sukan *esport* (EA Sport FIFA21) telah merancakkan lagi suasana di kampus. Bagi pertandingan sukan futsal lelaki telah dimenangi oleh Rojak FT diikuti oleh tempat kedua, Krobok Sintak dan tempat ketiga dimenangi bersama Parkway Merah FT dan Puiyi FT. Manakala bagi pertandingan *esport* (EA Sport FIFA21) pula dimenangi oleh tempat pertama, Khairul Irsyad diikuti oleh tempat kedua, Sidi Zulfakha dan tempat ketiga, Alan Fikri. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Hj Abu Talip.

Jawatankuasa Pengurusan Surau Ibn Khaldun dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Mukah menganjurkan

# KURSUS PENGURUSAN JENAZAH 2022

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi, Juriah Japar, Siti Aminah Umal, Hanisah Ros, Normah Sadaiee, & Muhammad Shamidi Sahminan

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Surau Ibn Khaldun dan Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan kursus pengurusan jenazah pada 4 Mac 2022 (Khamis). Seramai 28 orang peserta dikalangan staf akademik dan sokongan telah turut sama menyertai kursus tersebut yang diselia oleh Ustaz Jammie Bin Andrew, Imam 2 Masjid SetiaRaja, Mukah.

Kursus tersebut dilaksanakan secara teori dan praktikal di dalam premis UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Kursus ini berfungsi sebagai wadah untuk kakitangan menimba ilmu berkaitan ibadah fardhu kifayah. Selain itu, ia bertujuan memupuk nilai-nilai kemanusiaan dan membentuk golongan yang dapat berbakti kepada masyarakat melalui ilmu yang dipelajari serta mewujudkan sikap kerjasama dan bertanggungjawab antara sesama insan serta masyarakat setempat.

Selain sebagai wadah menyampaikan ilmu fardhu kifayah kepada yang belum ada ilmu tersebut, ianya akan dapat menambahkan lagi pengetahuan dan melakukan penambahbaikan dari sudut kefahaman kita tentang perkara ini kepada peserta yang sudah melibatkan diri dalam bidang ini. Rata – rata peserta ingin kursus sebegini dijalankan secara bersiri untuk memantapkan lagi pemahaman mereka secara berterusan.

***…"wadah untuk kakitangan menimba ilmu berkaitan ibadah fardhu kifayah."***





## Webinar Negeri-Negeri Tua Sarawak Anjuran Pelajar Kokurikulum

## HPD138 – RAJA BERPELEMBAGAAN ASAS

Disediakan oleh: Sidi Zulfakha Salim & Yahutazi Chik

Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar dan telah mempengaruhi kehidupan seharian dengan amalan norma baharu. Oleh itu, pelajar HPD 138 yang terdiri daripada pelajar Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pengajian Perbankan Kumpulan BA1112A dan BA1192A, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan *webinar* yang bertajuk “Negeri-Negeri Tua Sarawak” pada 19 Januari 2022 melalui platform *Google Meet* dan juga turut disiarkan secara langsung di *Facebook* rasmi UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. *Webinar* ini menampilkan Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah sebagai penceramah undangan, dan dimudahcara oleh saudara Sidi Zulfakha Bin Salim selaku moderator.




Diantara objektif penganjuran *webinar* ini adalah untuk memberikan kesedaran dan perkongsian dapatan terkini daripada penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan negeri-negeri tua yang terdapat di negeri Sarawak. Selain daripada itu, program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar kursus HPD138 dalam pengurusan acara berbentuk *webinar* bersama masyarakat selain memupuk semangat kerjasama diantara pelajar. Program ini merupakan program di bawah bimbingan En. Yahutazi Bin Hj. Chik, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Kampus Mukah yang bertindak selaku Jurulatih Ko-Kurikulum HPD138.

> *…“memberikan kesedaran dan perkongsian dapatan terkini daripada penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan negeri-negeri tua yang terdapat di negeri Sarawak.”*

Penganjuran *webinar* negeri-negeri tua Sarawak ini telah berjaya mendapatkan seramai hampir 100 orang penyertaan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Saimi Bujang di atas kesudian menerima jemputan para pelajar HPD138 dan berkongsi maklumat-maklumat penting tentang negeri-negeri tua Sarawak bersama masyarakat seterusnya menjayakan sesi *webinar* kali ini. Semoga *webinar* dengan topik berkaitan negeri-negeri tua Sarawak ini akan dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang.



## Pelajar Diploma Sesi Okt 2021/Mac 2022 sertai

# E-MODUL KEPIMPINAN IKON (eMKI)

Disediakan oleh: Yahutazi Chik, Siti Farah Lajim, Ahmad Faisal Mahdi & Juriah Japar

UKP UiTM Cawangan Sarawak telah mengambil inisiatif untuk meneruskan perlaksanaan Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) untuk Modul Kepimpinan Ikon dengan norma baharu iaitu secara virtual melalui platform Google Meet dan dinamakan sebagai e-MKI pada 17-Mac 2022 yang lepas. Diantara objektif penganjuran e-MKI adalah untuk memupuk kecemerlangan mahasiswa sebagai ikon dalam pelbagai bidang, seterusnya membentuk semangat jati diri dalam kalangan pemimpin masa hadapan serta meningkatkan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar UiTM.

Seramai 44 orang pelajar peringkat diploma UiTM Kampus Mukah yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Pengeluaran Herba, Diploma Akuakultur, Diploma Pengajian Perbankan dan Diploma Pengajian Perniagaan telah mendaftarkan diri untuk menghadiri modul tersebut. Disamping itu, seramai empat orang fasilitator turut terlibat iaitu yang diketuai oleh Encik Yahutazi Bin Hj. Chik selaku penyelaras modul dan turut dibantu beberapa orang fasilitator yang lain yang terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad Faisal Mahdi, Puan Siti Farah Lajim dan Puan Juriah Japar.

Program e-MKI kali ini turut menampilkan Encik Muhammad Syafiq Bin Mat Nazari yang merupakan mantan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Sarawak Sesi 2018/2019 yang juga merupakan alumni Diploma Pengurusan Ladang, UiTM Kampus Mukah dalam Slot Bicara Ikon pada 19 Mac 2022. Beliau kini berkhidmat sebagai *Project Executive* di *Malaysian Palm Oil Green Conservation* dan turut pernah menyertai Felo Perdana di Kementerian Perladangan dan Komoditi. Dalam sesi Bicara Ikon tersebut yang telah dimudahcara oleh Encik Yahutazi Bin Hj. Chik, Encik Muhammad Syafiq telah berkongsikan pengalaman beliau bersama para peserta disamping menjawab beberapa soalan berkaitan pengurusan acara daripada para peserta. Program yang turut dipancarkan secara langsung di Facebook rasmi UiTM Kampus Mukah turut disertai oleh 35 orang peserta-peserta e-Modul Kepimpinan Ikon dari UiTM Kampus Samarahan yang turut dihadiri oleh Puan Dzufi Iszura Ispawi, penyelaras e-MKI UiTM Kampus Samarahan bersama empat fasilitor yang lain yang terdiri daripada Puan Mazlina Mansor Hassan, Puan Nur Farahiah Ibrahim, Puan Suhaida Halamy dan Puan Khyrol Etty Abdul Hamid.

Diantara pengisian modul adalah pendedahan kepada para pelajar tentang aspek-aspek pengurusan organisasi dan penganjuran program seperti penyediaan kertas kerja program berimpak tinggi, protokol dan etika dalam pengurusan acara, komunikasi berkesan, pengurusan masa dan krisis dalam pengurusan acara. Peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan di bawah seliaan fasilitator untuk menghasilkan kertas kerja program berimpak tinggi yang melibatkan program bertemakan kesukarelawan sosial, sukan dan rekreasi, penganjuran majlis rasmi dan webinar. Setelah peserta berjaya menghasilkan kertas kerja, sesi pembentangan telah diadakan pada 22 Mac 2022 dihadapan semua fasilitator selaku panel penilai pembentangan kertas kerja tersebut. Komen-komen yang membina telah disampaikan kepada semua para peserta bagi tujuan penambahbaikan kertas kerja yang telah disediakan. Program berakhir dengan pengumuman keputusan kumpulan terbaik, peserta terbaik dan peserta paling "sporting". Anugerah kumpulan terbaik telah disandang oleh Kumpulan 2 yang dikenali dengan nama *Last Minute Group* (LMG) dimana Puan Juriah Japar adalah selaku fasilitator. Manakala peserta terbaik keseluruhan dianugerahkan kepada Saudara Syed Muhammmad Fariduddin Bin Wan Hairrulhaizal, pelajar daripada program Diploma Akuakultur. Disamping itu, peserta paling "sporting" telah dianugerahkan kepada Saudara Aniq Hamizan Bin Mislani di atas komitmen beliau melengkapkan ke tiga-tiga modul Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) pada semester Oktober 2021 – Mac 2022.








UiTM Sarawak Bulletin

## Program Bersama Ketua Pusat Pengajian (KPP)

# FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Disediakan oleh: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Pressca Neging & Azlan Yusof Puding

Pada 29 Mac 2022 yang lalu, perjumpaan bersama Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah diadakan, anjuran kolaborasi bersama Kelab D'BES dan Kelab D'Bankers. Perjumpaan disertai semua pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan berdurasi selama 2 jam yang bermula pada jam 7.30 sehingga 9.30 malam. Memandangkan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah tidak lagi beroperasi secara atas talian, perjumpaan kali pertama ini diadakan secara bersemuka di Dewan Sri Balau dengan 300 pelajar dari kedua-dua program, BA111 dan BA119. Selain itu, perjumpaan ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu penasihat Kelab D'BES, Puan Pressca Neging, penasihat Kelab D'Bankers, Encik Azlan Yusof Puding, Encik Ikhwan Naguib, Dr Yusman Yacob dan Cik Umi Insyirah. Perjumpaan ini seterusnya diserikan lagi dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu UiTM Di Hatiku.

Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk mendedahkan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti kepada para pelajar. Salah satu perkara utama yang telah disentuh semasa berlangsungnya taklimat tersebut adalah etika pemakaian yang sesuai dengan ketetapan pihak universiti ataupun lebih dikenali sebagai sahsiah rupa diri. Selain itu, pelajar juga telah diingatkan dan diwajibkan untuk membuat pendaftaran subjek yang berkaitan dengan kursus sebelum tarikh tutup. Hal seperti ini ditekankan semula untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dalam membuat pendaftaran kursus semasa.

> *"...supaya semua pelajar mempunyai keseimbangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum."*

Selain itu, pengajaran penting seperti pengurusan masa turut diperingatkan kepada para pelajar. Seterusnya, para pelajar juga digalakkan untuk menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan bagi meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar supaya semua pelajar mempunyai keseimbangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Malahan turut ditekankan juga kepada para pelajar supaya sentiasa peka tentang tanggungjawab masing – masing dalam mencetak keputusan peperiksaan dan melakukan pembayaran yuran universiti mengikut masa yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang permasalahan berlaku di kemudian hari.

Sesi soal jawab juga diadakan di hujung majlis untuk memberi peluang kepada para pelajar mengutarakan permasalahan dan cadangan ketika program berlangsung. Pelbagai masalah dan soalan yang disuarakan oleh para pelajar yang berkaitan dengan pembelajaran, *internship*, prosedur cuti sakit dan sebagainya telah terjawab melalui penganjuran program ini. Sepanjang majlis berlangsung, semua pelajar termasuk para pensyarah mematuhi SOP dan menjaga penjarakan sosial yang telah ditetapkan. Sebagai penutup bicara, diharapkan agar para pelajar mendapat manfaat dari nasihat yang telah diberikan dan semakin ingin berjaya dalam menempuhi hidup sebagai pelajar universiti.





## Webinar Pecutan Akhir:
# MATEMATIK DAN STATISTIK

Disediakan oleh: Hazfina Mohamed Idris & Nor Hilaliyah Mohd Jamil

Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Webinar Pecutan Akhir: Matematik & Statistik pada 29 Januari 2022 yang lalu. Webinar ini adalah julung kalinya diadakan di UiTM Kampus Mukah. Webinar ini telah dijalankan di atas talian melalui platform *Webex* dan *Google Meet*. Webinar Pecutan Akhir: Matematik dan Statistik ini dilaksanakan khusus untuk para pelajar yang mendaftar kod kursus MAT037, MAT083, MAT086, MAT112, STA104 dan QMT181. Matlamat utama pelaksanaan webinar ini adalah untuk mendedahkan pelajar tentang teknik dan format soalan peperiksaan akhir bagi kod kursus tersebut.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi mempersiapkan para pelajar dengan perkara penting sebelum menduduki peperiksaan akhir khususnya pada musim pembelajaran secara *Open Distance Learning* (ODL). Webinar ini telah disertai oleh 591 orang pelajar dan seramai enam orang penceramah yang sangat berpengalaman telah dijemput untuk berkongsi ilmu dengan para pelajar.

Webinar ini dibahagikan mengikut kod kursus dan dijalankan serentak pada tarikh dan masa yang sama. Bagi kod kursus MAT112, pelajar dipecahkan kepada dua kumpulan webinar dan ianya disampaikan oleh Puan Lai Tze Wee dan Puan Shirley Sinatra anak Gran. Untuk kod kursus MAT037, webinar telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Tang Howe Eng manakala bagi kod kursus STA104 dan QMT181, ianya telah disempurnakan oleh Cik Juliza binti Salleh. Bagi kod kursus MAT083 dan MAT086, penceramahnya adalah Cik Nadiah binti Abdul Rahman dan Puan Siti Zaharah binti Mohd Ruslan. Berikutan terdapat beberapa kumpulan webinar yang berbeza, beberapa pensyarah FSKM, UiTM Kampus Mukah telah ditugaskan sebagai moderator pada setiap sesi webinar tersebut.

Sesi webinar dimulakan dengan kata alu-aluan oleh moderator dan disusuli dengan perkongsian ilmu daripada penceramah. Webinar yang berlangsung selama tiga jam ini diakhiri dengan sesi kuiz ringkas untuk menguji kefahaman para peserta. Hadiah berupa wang tunai turut disediakan kepada para pemenang kuiz tersebut. Para peserta menunjukkan semangat berdaya saing yang tinggi untuk menjawab kuiz tersebut.

Secara rumusannya, webinar ini telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar. Melalui borang maklum balas yang telah diberikan pada akhir sesi, rata-rata peserta memberikan maklum balas yang sangat positif terhadap pelaksanaan webinar ini. Diharapkan webinar seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang demi kecemerlangan akademik para pelajar UiTM.




*"Hadiah berupa wang tunai turut disediakan kepada para pemenang kuiz tersebut. Para peserta menunjukkan semangat berdaya saing yang tinggi untuk menjawab kuiz tersebut."*



Program *Meet and Greet* Secara atas talian anjuran

# MISI AKADEMIK DAN PPT UiTM MUKAH

Disediakan oleh: Nor Hilaliyah Mohd Jamil, Aisyah Nazamud-din & Arif Azizi Che Harun

Jawatankuasa Misi Akademik dan PPT UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan dengan jayanya *Program Meet and Greet* pada 14 Jun 2021. Pendekatan program kali ini agak berbeza kerana ia dilakukan secara atas talian iaitu menggunakan platform *Facebook Live* melalui laman rasmi *Facebook* UiTM Cawangan Sarawak Kampus UiTM. Program yang berlansung selama satu jam ini memfokuskan penglibatan bersama dengan wakil kaunselor sekolah, ibu bapa dan juga bakal pelajar dari seluruh Malaysia.




Program ini dimulakan dengan pengenalan ringkas daripada moderator program iaitu Encik Arif Azizi Che Harun selaku Penyelaras Misi Akademik UiTM Kampus Mukah. Seterusnya, Encik Pengiran Saifudzin (Panel Pertama) mewakili Penolong Rektor, Dr Khadijah Khalid memberikan taklimat berkenaan 'Slot Perkenalan UiTM Kampus Mukah' yang menerangkan tentang lokasi, infrastruktur dan fasiliti yang terdapat di UiTM Kampus Mukah. Penerangan ringkas dan padat berkenaan dengan program yang ada di UiTM Kampus Mukah dan syarat kelayakan telah diberikan oleh Panel Kedua dan Panel Ketiga iaitu Encik Muhamad Syukrie Abu Talip iaitu Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, dan Puan Dayang Hummida Abang Abdul Rahman iaitu Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan. Selain daripada itu, bidang kerjaya dan prospek kerjaya bagi setiap program juga diterangkan secara jelas oleh kedua-dua panel. Sepanjang program ini berlansung, terdapat lebih kurang 1500 penonton yang mengikuti lintas lansung program ini melalui *Facebook* rasmi UiTM Kampus Mukah.

> *"Sepanjang program ini berlansung, terdapat lebih kurang 1500 penonton yang mengikuti lintas lansung program ini melalui Facebook rasmi UiTM Kampus Mukah."*

Diharapkan objektif penganjuran program kali ini tercapai iaitu dapat memperkenalkan dan mempromosikan kesemua program diploma dan pra diploma yang ditawarkan oleh UiTM Kampus Mukah, khususnya kepada bakal pelajar bukan sahaja di Sarawak, bahkan di seluruh Malaysia.



## Kesetaraan Teori dan Applikasi Industri melalui kod kursus
## TPT250: FUNDAMENTALS OF TRANSPORT

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi

Sepanjang 4 semester yang lalu, pelajar yang menduduki kod kursus TPT250 iaitu *Fundamentals of Transport* cuma menjalani pengkuliahan secara atas talian. Namun pada semester sesi 2022/2 ini, mereka telah menghadiri pengkuliahan secara bersemuka di Kampus Mukah dan berpeluang mengadakan lawatan akademik mengikut tuntutan silibus kod ini. Mengikut sukatan silibus TPT250, pelajar dikehendaki melaksanakan lawatan akademik demi mendapat input daripada industri bagi menyiapkan laporan di mana ianya dijadikan sebahagian markah penilaian berterusan mereka.

Pada semester ini, Kumpulan BA1114A dan BA1114B telah melaksanakan lawatan akademik di Miri dan Kuching. Antara tempat atau industri yang telah dilawati pelajar adalah seperti Lapangan Terbang Kuching, Sarawak Metro dan Lembaga Pelabuhan Kuching. Manakala di Miri pula, pelajar telah melaksanakan lawatan di lapangan terbang Miri, Sarawak Oil Palm dan Jabatan Laut Malaysia. Melalui lawatan ini, pelajar telah diamanahkan oleh penilai untuk menyediakan set soalan yang telah disemak untuk dijawab oleh pihak industri supaya pihak industri boleh bersedia dengan jawapan yang berpatutan dengan sukatan mereka. Kebanyakan isu yang disentuh adalah dari isu semasa seperti proses dan pelaksanaan. Pelajar telah mendapat banyak input dari pihak industri di mana ianya sama seperti pengisian kuliah serta silibus. Ini bermaksud, pelajar telah mempelajari apa yang dikehendaki industri melalui pengkuliahan secara setara dan berpeluang untuk mempraktikkan ilmu teori yang diamalkan oleh pihak industri menerusi lawatan tersebut.

Lawatan seperti ini harus dijalankan setiap semester bagi menunjukkan kepada pelajar ilmu yang mereka perolehi dari kuliah tidak ketinggalan serta kekal relevan dengan kehendak industri selari dengan usaha UiTM yang sentiasa mengemaskini pengisian kuliah setara dengan kehendak industri.




*…"pelajar telah mempelajari apa yang dikehendaki industri melalui pengkuliahan secara setara dan berpeluang untuk mempraktikkan ilmu teori yang diamalkan oleh pihak industri"…*



## UKP, HEP UiTM Mukah anjurkan
# E-PROGRAM KEPIMPINAN PEWARIS BANGSA

Disediakan oleh: Siti Farah Lajim, Ahmad Faisal Mahdi, Yahutazi Chik & Juriah Japar

Pada Semester Oktober 2021 – Februari 2022, Unit Kepimpinan Pelajar UiTM Sarawak Kampus Mukah telah berjaya menganjurkan modul-modul di bawah Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) iaitu Modul Kepimpinan Profesional (MKP), Modul Kepimpinan Survival Bangsa (MKSB) dan Modul Kepimpinan Ikon (MKI) seiring norma baharu iaitu secara maya dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* sebagai usaha membentuk pemimpin yang berwibawa untuk meneruskan kelangsungan agama, bangsa dan tanahair. Para peserta terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan dalaman pelbagai program dan juga badan beruniform. Para peserta didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang menjalin perpaduan, kerjasama dan kemahiran komunikasi agar mahasiswa dapat membina ketrampilan sebagai seorang pemimpin yang mempunyai jati diri yang tinggi.

E- Modul Kepimpinan Profesional (EMKP) yang telah dilaksanakan pada 8 – 9 Januari 2022 memberi peluang peserta menjalankan kajian lapangan secara maya menggunakan platform *Google Meet* berdasarkan tempat tinggal peserta seperti kawasan Permyjaya, Miri dan Pagoh, Johor. Kemudian, peserta akan mengulas dan memberi pelbagai cadangan penyelesaian yang realistik dan bermanfaat di dalam kertas cadangan pelan pembangunan sosio ekonomi bagi mengatasi masalah tersebut. Sepanjang aktiviti ini dijalankan pelbagai input baru terutamanya isu-isu di luar kawasan Mukah telah dikongsikan bersama para peserta yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi masyarakat setempat. Peluang sebegini banyak membuka minda pelajar apabila berpeluang berinteraksi dengan masyarakat luar walaupun sesi perbincangan dilakukan secara maya.

E- Modul Kepimpinan Survival Bangsa (EMKSB) telah dilaksanakan pada 23 Januari 2022 di mana peserta banyak menyertai permainan atas talian yang berasaskan permikiran kreatif dan kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran kerja berpasukan seperti permainan kapal karam, *Scavanger Hunt, Online Explorace, Einstein Riddle* dan sebagainya. Modul ini diakhiri dengan forum interaksi *"Teraju Minda"* di mana ianya memberi peluang kepada peserta untuk berbincang secara terbuka, baik sesama mereka mahupun dengan para fasilitator mengenai isu semasa yang diketengahkan dalam forum tersebut. Modul ini merupakan suatu usaha membentuk individu agar memahami tanggungjawab mereka sebagai mahasiswa dan mengetahui peranan mereka sebagai pewaris kepimpinan bangsa.

E- Modul Kepimpinan Ikon (EMKI) pula telah dilaksanakan sewaktu cuti semester pada 17 – 22 Mac 2022. Modul ini membimbing pelajar dalam penyediaan kertas kerja aktiviti dengan format yang tepat serta memberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Majlis. Sesi Webinar "Bicara Ikon" turut dijalankan dengan menjemput jemputan khas iaitu mantan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar, saudara Mohammad Syafiq Bin Mat Nazari di mana beliau berkongsikan pengalaman serta tips dan nasihat beliau dalam penganjuran aktiviti pelajar di UiTM. Selain itu, peserta juga didedahkan tentang protokol dan etika di dalam pengurusan acara. Antara para fasilitator yang terlibat dalam menjayakan e-program kali ini adalah terdiri dari Encik Yahutazi Chik, Encik Ahmad Faisal Bin Mahdi, Encik Norizuandi Ibrahim, Puan Imelia Laura Anak Daneil, Puan Juriah Japar dan Puan Siti Farah Lajim.






## UITM Mukah Rangkul Tempat ke-3 Kejohanan Bola Jaring MALAYSIAN SPORT LEAGUE (MSL) PERINGKAT BAHAGIAN MUKAH 2022

Disediakan oleh: Tracy Adeline Ajol






UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menghantar satu pasukan Bola Jaring untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring *Malaysian Sport League* (MSL) Peringkat Bahagian Mukah 2022 anjuran Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Mukah bersama Kelab Bola Jaring Bahagian Mukah yang bertempat di Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Mukah. Kejohanan ini telah berlangsung pada 26 hingga 27 Mac 2022 dengan penyertaan seramai 13 pasukan dari seluruh bahagian Mukah. Pasukan Bola Jaring UiTM Mukah telah berjaya membawa balik piala dan pingat gangsa berserta hadiah wang tunai setelah memenangi tempat ketiga di dalam kejohanan tersebut. Hadiah untuk para pemenang kejohanan telah disampaikan oleh YB Encik Royston Valentine (ADUN) N.57 Tellian semasa upacara penutupan kejohanan.

Di samping dapat mengharumkan nama UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, penyertaan pasukan dalam kejohanan ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam menjalani aktiviti bersama masyarakat di sekeliling bahagian Mukah dan seterusnya mewujudkan jalinan hubungan baik di antara warga UiTM Kampus Mukah dengan masyarakat setempat bahagian Mukah khasnya. Sedikit sebanyak, pengalaman ini dapat meningkatkan lagi keyakinan diri dan mengembangkan potensi pasukan Bola Jaring UiTM Mukah dalan sukan Bola Jaring. Melalui penyertaan kejohanan ini juga, pelajar berpeluang menyerlahkan bakat terpendam dalam sukan tersebut dan seterusnya diharap mampu mewakili UiTM ke peringkat pertandingan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

## Majlis Perasmian Kokurikulum HBU 111 & HBU121

Disediakan oleh: Umar Baki Marzuki

Majlis Perasmian Kokurikulum HBU111 & HBU121 anjuran Majlis Perwakilan Komander Kesatria (MPKK), Kokurikulum Kesatria UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah berlangsung secara bersemuka pada 13 April 2022 bertempat di Dewan Balau. Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua pelajar diploma semester 1 dan sebahagian pelajar diploma semester 2 UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Acara rutin ini diadakan pada setiap permulaan semester. Antara pengisian penting majlis adalah mengalu-alukan kedatangan pelajar baru, memaklumkan perancangan aktiviti kokurikulum sepanjang semester serta berkongsi tentang kepentingan menyertai kokurikulum HBU111 & HBU121.





## Ramadhan 1443H diserikan dengan

# PROGRAM MEMASAK DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK & TADARUS AL-QURAN

Disediakan oleh: Nur Syazlin Husna Ismail



Program Memasak dan Pengagihan Bubur Lambuk yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam Cawangan Sarawak dan Jawatankuasa Pengimarahan Surau Ibnu Khaldun dengan kerjasama staf dan pelajar UiTM Mukah telah diadakan pada 19 April 2022, pukul 8 pagi sehingga 6.30 petang yang bertempat di Perkarangan Depo Kenderaan dan Takan Berambeh, UiTM Mukah.

Pengagihan bubur lambuk mensasarkan golongan staf dan pelajar UiTM Mukah serta disumbangkan juga di Politeknik Mukah, Centexs, Kampung Telian, Kampung Penat, Kampung Kuala Lama dan Kampung Judan. Matlamat utama program ini adalah bersempena menyambut kedatangan hari Nuzul Al-Quran yang jatuh pada 17 Ramadan yang lalu. Di samping itu, program ini juga untuk mengeratkan hubungan diantara warga UiTM Kampus Mukah dengan masyarakat luar dengan berkongsi rezeki dan meningkatkan rasa kesyukuran di dalam diri setiap individu.







Bagi Program Tadarus Al-Quran pula, ianya merupakan program tahunan yang diadakan pada bulan Ramadan oleh Jawatankuasa Pengimarahan Surau Ibnu Khaldun (JPSI) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Program ini terbuka kepada seluruh warga UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah yang beragama Islam. Program ini telah dilangsungkan pada 3 April 2022 sehingga 19 April 2022 yang lalu secara *hybrid*.

Matlamat utama program adalah untuk mengimarahkan kedatangan bulan Ramadan dan memanfaatkan masa terluang dengan meningkatkan pengetahuan bacaan Al-Quran dalam kalangan para peserta. Pada waktu yang sama, program ini juga mampu mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan pelajar dengan bacaan Al-Quran diadakan secara berkumpulan.

## Webinar Kemahiran Belajar dan
# PENULISAN LAPORAN MAKMAL

Disediakan oleh: Nurain Johar, Dr. Mohamad Izwan Ismail & Mohd Hafizz Wondi

Webinar Kemahiran Belajar dan Penulisan Laporan Makmal telah diadakan pada 8 Jan 2022 (Sabtu). Program ini telah diadakan secara atas talian menggunakan medium *Webex* melibatkan 105 orang pelajar yang terdiri daripada 3 program diploma iaitu Diploma Pengurusan Ladang (AT110), Diploma Pengeluaran Herba (AT112) & Pra Diploma Sains (PD007/008) di Kampus Mukah.

Webinar ini telah menampilkan penceramah utama iaitu, Dr. Mohamad Izwan Ismail, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Gunaan (FSG) dan dikendalikan oleh Cik Nurain Johar sebagai moderator bagi program ini. Webinar kali ini terbahagi kepada 2 slot yang merangkumi topik kemahiran belajar dan penulisan laporan makmal. Untuk slot pertama, penceramah telah berkongsikan teknik pembelajaran berkesan serta kaedah yang boleh digunapakai dalam membuat nota khusunya untuk tujuan ulangkaji. Topik berkenaan tips untuk kekal fokus dan meningkatkan keupayaan memori turut dikupas oleh penceramah agar dapat diadaptasi oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan bagi mengakhiri slot webinar yang pertama.

Program diteruskan dengan slot yang kedua yang mengupas tips-tips berkenaan penulisan laporan makmal yang baik. Hal ini penting kerana bagi pelajar-pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) serta Fakulti Sains Gunaan (FSG) laporan makmal merupakan antara jenis penilaian yang mempunyai peratusan yang tinggi dalam penilaian keseluruhan sesuatu kod kursus. Penceramah telah memperjelaskan satu persatu perkara yang perlu diberi keutamaan dalam penulisan laporan makmal mengikut format yang betul kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar semasa menghantar laporan makmal turut dikongsi oleh penceramah sebagai salah satu usaha untuk memastikan pelajar tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Sebelum program webinar tamat, para pelajar turut bertanyakan beberapa soalan kepada penceramah jemputan dan webinar diakhiri dengan acara bergambar untuk kenang-kenangan.



*..."tips-tips berkenaan penulisan laporan makmal yang baik. Hal ini penting kerana bagi pelajar-pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) serta Fakulti Sains Gunaan (FSG) laporan makmal merupakan antara jenis penilaian yang mempunyai peratusan yang tinggi dalam penilaian keseluruhan sesuatu kod kursus."*



# ELSUM
## Bi-Annual General Meeting 2022

Written by: Siti Faridah Kamaruddin, Stefanie Natasha Rich Joseph



*"Seeing the ELSUMians on stage while delivering their performance assertively has demonstrated that ELSUM has reached its objective of establishment in encouraging students to use the English language comfortably and confidently outside of the classroom."*




After two years of hiatus, the English Language Society of UiTM Mukah (ELSUM) is finally back and kicking with more physical activities! ELSUM's Bi-Annual General Meeting (BGM) is one of the physical activities planned for the March-August 2022 semester under the advisor's guidance, Miss Stefanie Natasha Rich Joseph. ELSUM's BGM was conducted on 13th May 2022, at 8 pm, at Dewan Kuliah Judan, UiTM Mukah. The agenda conducted in the BGM were the opening remarks by the advisor, the welcoming speech by the president, Ashley Alex Anak Morris from AT110, the introduction of ELSUM's latest Top Management (the third cycle), and the presentation of upcoming activities. Among the activities lined up, the most anticipated would be the Echo Festival, a joint activity with Unit Kebudayaan (UKEB) UiTM Sarawak and the Faculty of Business and Management of UiTM Mukah. However, this festival will be on hold as the date coincides with the dates for the upcoming convocation. Stay tuned for the update!

ELSUM's BGM will not be a happening event without the support of fellow ELSUMians. On the night of BGM, four houses of Slytherin, Ravenclaw, Gryffindor, and Hufflepuff have presented outstanding performances of choral speaking, musical theatre, and singing. For the talent competition, the house of Ravenclaw was crowned as the winner for their impactful musical theatre, representing the message of respecting each other's personalities despite their differences. The sketch and rendition of 'This Is Me,' originally sung by Keala Settle and The Greatest Showman Ensemble, have clearly impressed the audience and the juries.

Overall, conducting an English club such as ELSUM is more effective in a physical setting. All students from different faculties have gathered together and enjoyed doing all activities conducted in an English medium. Seeing the ELSUMians on stage while delivering their performance assertively has demonstrated that ELSUM has reached its objective of establishment in encouraging students to use the English language comfortably and confidently outside of the classroom. Follow ELSUM on Instagram for more updates, especially on the upcoming Echo Festival: @elsum_

## Bengkel Pemurnian Semakan Kurikulum untuk
## DIPLOMA PENGELUARAN HERBA (AT112) DAN DIPLOMA AKUAKULTUR (AT117)

Disediakan oleh: Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip



Bengkel Pemurnian Semakan Kurikulum program Diploma Akuakultur dan Diploma Pengeluaran Herba telah diadakan di Hotel Dynasty, Miri pada 21 hingga 23 Mei 2022. Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk membuat semakan struktur kurikulum dan kandungan kursus yang digunapakai oleh kedua-dua program akademik ini. Hasil semakan kurikulum akan memastikan struktur program dan kandungan kursus program akademik sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan industri.

Ketua Kurikulum (UHEK) UiTM iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Wan Abdul Rahim Wan Isa telah hadir dalam bengkel semakan ini bagi membantu pihak fakulti untuk memastikan proses dan keperluan semakan kurikulum memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh universiti. Selain itu, semakan kurikulum ini adalah berdasarkan kriteria HighEnd-TVET (Model Badan Profesional) yang bertujuan untuk mendapatkan akreditasi badan profesional seperti MBOT. Kurikulum yang mendapat akreditasi Badan Profesional adalah perlu bagi meningkatkan kompetensi pelajar berdasarkan keperluan industri dan seterusnya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Oleh yang demikian, pihak penganjur juga telah menjemput Ketua Akreditasi (UHEK) UiTM iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Noraini Seman untuk membantu fakulti dalam usaha ini.

*…"semakan kurikulum ini adalah berdasarkan kriteria HighEnd-TVET (Model Badan Profesional) yang bertujuan untuk mendapatkan akreditasi badan profesional seperti MBOT. Kurikulum yang mendapat akreditasi Badan Profesional adalah perlu bagi meningkatkan kompetensi pelajar berdasarkan keperluan industri dan seterusnya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan."*

Hasil semakan kurikulum ini telah dibentangkan oleh Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi iaitu En. Muhamad Syukrie b. Hj. Abu Talip kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UiTMCS (Prof. Dr. Firdaus Abdullah), Timbalan Dekan Akademik FPA (Ts. Dr. Fazleen Abdul Fatah), Penolong Rektor Kampus Mukah (Prof. Madya Dr. Saimi Bujang), Ketua Unit Kualiti (En. Yussri Sawani), Penyelaras Jawatakuasa Hal Ehwal Kurikulum UiTMCS (Dr. Siti Nor Ain Seri Masran) dan semua pensyarah sumber kedua-dua program. Sesi penutupan bengkel dan penyampaian cenderahati kepada panel jemputan telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UiTMCS pada penghujung bengkel.



## Karnival Sukan
## KOLEJ SERI TANJUNG

Disediakan oleh: Emily Ida Nicholas Jerman



Pada 21 & 22 Mei yang lalu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung dengan kerjasama Unit Sukan dan Unit Kokurikulum Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Karnival Sukan Kolej Seri Tanjung 2022 yang berlangsung selama dua hari iaitu pada Sabtu dan Ahad, bertempat di Padang Sukan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Karnival Sukan Kolej Seri Tanjung ini diketuai oleh saudari Macclaine Usun Robert dan dibantu oleh saudari Nur Aina Binti Zamahari. Tujuan Karnival Sukan Kolej Seri Tanjung ini diadakan untuk mencungkil bakat sukan di kalangan penghuni kolej, menggalakkan penghuni untuk mengamalkan hidup secara aktif dan sihat, mengeratkan hubungan antara mahasiswi, memperkasakan lagi semangat kerjasama dan kesukanan antara mahasiswi.

> *…"mencungkil bakat sukan di kalangan penghuni kolej, menggalakkan penghuni untuk mengamalkan hidup secara aktif dan sihat, mengeratkan hubungan antara mahasiswi, memperkasakan lagi semangat kerjasama dan kesukanan antara mahasiswi."*

Terdapat pelbagai acara yang menarik telah diadakan sepanjang dua hari program antaranya bola jaring, bola tampar, futsal, dan *Fun Run* 5KM. Tidak lupa juga, aktiviti sampingan yang telah mendapat sambutan hangat seperti *Aerodance*, memancing, karaoke terbuka serta gerai jualan. Karnival Sukan ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada penghuni Kolej Kediaman Seri Tanjung. Aktiviti *Aerodance* yang mana jurutunjuk dijemput khas dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan, Encik Mohamad Isa bin Edi Wahab telah mendapat sambutan yang paling meriah di kalangan pelajar UiTM. Semua pemenang setiap pertandingan telah menerima hadiah berupa wang tunai serta pingat yang disampaikan oleh Puan Widyawati Binti Jais, Pembantu Belia dan Sukan dan juga Puan Juriah Binti Japar selaku Penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung.




Secara keseluruhan, aktiviti yang dianjurkan telah berjalan dengan lancar dan semua ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang aktiviti berlangsung dan dapat memberi impak yang positif terhadap peserta-peserta yang terlibat. Diharapkan agar Karnival Sukan Kolej Seri Tanjung akan dianjurkan lagi pada masa yang akan datang dengan lebih banyak aktiviti-aktiviti menarik diadakan dan mendapat penyertaan yang lebih banyak daripada penghuni kolej.

## *"Not All Heroes Wear Capes, Safe Blood Save Lives"* sempena KEMPEN DERMA DARAH 2.0

Disediakan oleh: Magdeline Sween Donny

*..."menderma darah merupakan amalan yang mulia dan mampu untuk menyelamatkan nyawa seseorang"...*




Pada 14 Mei 2022 yang lalu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung dengan kerjasama Unit Kesihatan dan Unit Tabung Darah Hospital Sibu telah menganjurkan Kempen Derma Darah 2.0 "Not All Heroes Wear Capes, Safe Blood Save Lives" di Dewan Sri Balau, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Kempen ini telah diketuai oleh saudari Fazlin Gillian Tina dan dibantu oleh saudari Aisyah Syahirah binti Anshar.

Kempen ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat bahawa menderma darah merupakan amalan yang mulia dan mampu untuk menyelamatkan nyawa seseorang, meluaskan pandangan masyarakat mengenai kebaikan dalam kebaikan menderma darah dan menangani masalah kekurangan darah bagi tabung darah di hospital kerajaan.

Kempen derma darah kali ini adalah kesinambungan daripada kempen yang telah dilaksanakan pada 29 Januari 2022 yang lalu dan kempen kali ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 54 pek darah. Kempen Derma Darah 2.0 "Not All Heroes Wear Capes, Safe Blood Save Lives" telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga UiTM dan masyarakat setempat.

## JPK Kolej Seri Tanjung Anjurkan
## MENTAL HEALTH: RELAXATION THERAPY

Disediakan oleh: Magdeline Sween Donny

Webinar *Mental Health: Relaxation Therapy* telah diadakan pada 9 April 2022 melalui medium *Google Meet* dan *Facebook Live Page* Kolej Seri Tanjung. Program ini telah diketuai oleh saudari Elvicia Leneng anak Philip dan dibantu oleh saudari Anastasia Sieu anak Edwin. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar bahawa terapi *relaxation* boleh membantu untuk menenangkan tubuh, merendahkan tekanan darah dan kadar degupan jantung, ilmu dalam mengetahui teknik-teknik terapi relaksasi yang betul, dan membimbing pelajar untuk memberikan fokus pada imej yang menenangkan untuk menggantikan perasaan negatif atau tertekan.

Moderator bagi program ini ialah saudari Ariana Dundun anak Anthony manakala penceramah jemputan pula ialah Encik Afiq Aimanuddin bin Ali, Jurupulih Cara Kerja (U29) dari Hospital Umum Sarawak. Webinar *Mental Health: Relaxation Therapy* menyasarkan seramai 74 orang pelajar mahupun bukan pelajar, 24 orang ahli jawatankuasa pelaksana dan seorang penasihat program iaitu Puan Juriah binti Japar, selaku penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung merangkap penasihat bagi program ini.

Sepanjang program ini berlangsung, terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti kuiz berdasarkan program, aktiviti mempelajari teknik-teknik pernafasan yang betul, pendedahan pengenalan dan pengendalian stres dan lain-lain. Melalui aktiviti dan pembelajaran yang telah didedahkan para pelajar, ia dapat membantu seseorang individu itu untuk mengendalikan stres dengan bijak dan menenangkan individu yang terjebak dalam suasana dan perasaan yang negatif.

Akhir kata, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung berharap agar program seperti Webinar *Mental Health: Relaxation Therapy* ini dapat memberi impak yang positif dalam diri seseorang individu yang hadir. Adalah diharapkan program seperti ini mampu dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

> *…"terapi relaxation boleh membantu untuk menenangkan tubuh, merendahkan tekanan darah dan kadar degupan jantung, ilmu dalam mengetahui teknik-teknik terapi relaksasi yang betul, dan membimbing pelajar untuk memberikan fokus pada imej yang menenangkan untuk menggantikan perasaan negatif atau tertekan."*






## HSK226 anjurkan
# 2K22 VIRTUAL RUN 10 KM CHALLENGE

Disediakan oleh: Tracy Adeline Ajol

*"Kesihatan tubuh badan yang baik dan otak yang cergas sekaligus menyumbang kepada good quality education dalam kalangan pelajar…"*





Program "2K22 Virtual Run 10 KM Challenge UiTM Kampus Mukah 2022" merupakan satu program larian anjuran mahasiswi Kokurikulum Bola Jaring II (HSK226) UiTM Kampus Mukah Cawangan Sarawak yang telah berlangsung selama 5 hari iaitu bermula 5 Januari 2022 sehingga 9 Januari 2022. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Kampus UiTM Mukah dan terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori lelaki dan kategori perempuan. Penggunaan aplikasi *Running App-Run Tracker* dan juga *Trekmil* telah digunakan sebagai bukti rekod larian para peserta sepanjang tempoh larian. Bagi kategori Perempuan, Johan telah disandang oleh Magdeline Sween Anak Donny dengan catatan masa 95.67 minit dan Naib Johan pula jatuh kepada Asina Binti Sali. Manakala bagi kategori lelaki pula, Muhammad Farhad Bin Muhammad Said telah menjadi Johan dengan rekod masa 59.11 minit diikuti oleh Muhammad Alvin sebagai Naib Johan. Johan bagi setiap kategori masing-masing menerima hadiah wang tunai RM100 dan bagi Naib Johan pula, hadiah wang tunai adalah sebanyak RM70 beserta sijil.

Antara objektif program ini dianjurkan adalah untuk menggalakkan warga UiTM Kampus Mukah bersenam walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19 bagi menjaga kesihatan mental dan fizikal masing-masing. Kesihatan tubuh badan yang baik dan otak yang cergas sekaligus menyumbang kepada *good quality education* dalam kalangan pelajar khususnya dan juga menjurus kepada budaya kerja yang lebih proaktif serta meningkatkan produktiviti dalam kalangan warga kampus dalam menguruskan tugasan harian.

Penganjuran program ini juga merupakan inisiatif untuk menjana pendapatan melalui kutipan yuran penyertaan untuk disumbangkan kepada Tabung *Food Bank* UiTM Kampus Mukah. Hasil kutipan yuran penyertaan telah diserahkan kepada wakil *Food Bank* UiTM Kampus Mukah iaitu Encik Rechmil Remos Anak Jalin. Jesteru, selain menggalakkan warga kampus UiTM Mukah menjalankan aktiviti sihat untuk tubuh badan, peserta turut berpeluang memberi sumbangan kebajikan. Semoga pada masa akan datang, program seperti ini dapat diadakan lagi secara bersemuka pula dengan penyertaan yang lebih ramai dari warga kampus UiTM Mukah bagi menyokong aktiviti sukan di UiTM Cawangan Sarawak yang dikenali sebagai *Sporting Campus.*

## Pelaksanaan Modul Kepimpinan Survival Bangsa (MKSB) di KEM BELIA KEMUYANG, SIBU

Disediakan oleh: Siti Farah Lajim, Ahmad Faisal Mahdi, Imelia Laura Daneil, Juriah Japar




Pada 1 hingga 3 Julai 2022, Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah berjaya menganjurkan Modul Kepimpinan Survival Bangsa (MKSB) yang merupakan salah satu modul Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) bertempat di Kem Belia Kemuyang, Sibu. Modul ini telah kembali dijalankan secara fizikal sejak 2019 apabila tergendala akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 - 2021 di mana modul ini terpaksa dijalankan secara maya.

MKSB yang dilaksanakan selama 3 hari 2 malam ini penuh dengan pengisian aktiviti yang menekankan kemahiran berfikir, perpaduan, kemahiran komunikasi dan kepimpinan agar jiwa mahasiswa dapat dibentuk dengan ciri ketrampilan seorang pemimpin yang mempunyai jati diri yang utuh. Para peserta terdiri dari 40 mahasiswa dan mahasiswi semester 2, 3 dan 4 dari pelbagai program yang mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab, Persatuan Dalaman dan juga Badan beruniform UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Fasilitator yang terlibat pada kali ini terdiri dari Puan Juriah Japar, Encik Ahmad Faisal Mahdi, Puan Imelia Laura Anak Daneil dan Puan Siti Farah Lajim.

## Persediaan PITSA menyertai EKONOMI DIGITAL

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi

Persatuan Ibu Tunggal Sarawak (PITSA) telah menjemput UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah untuk membantu pihak mereka mempersiapkan ahli-ahli mereka yang menjalani perniagaan untuk menerima pakai e-dagang sebagai satu cabang perniagaan yang boleh membantu ahli mereka berjaya dalam perusahaan mereka. Usaha ini adalah seiring dengan polisi Premier Sarawak dalam menjayakan Ekonomi Digital di Sarawak ke persada antarabangsa.

Perkongsian kepakaran perniagaan ini telah dizahirkan oleh Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Hj Ahmad Faisal Bin Hj Mahdi. Beliau telah menerima Amanah yang dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan Kampus Mukah untuk melaksanakan tugasan tersebut pada 11 Ogos 2022 di Saratok. Disertai oleh hampir 200 orang ibu tunggal yang terdiri dari penjaja tempatan dan agensi-agensi kerajaan seperti SEDC, AIM dan Baitulmal, program tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya.

Penganjur program ini iaitu Presiden PITSA amat berpuas hati dengan penyampaian serta pendekatan yang telah diambil oleh pihak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan telah menyampaikan hasrat untuk melaksanakan kerjasama dengan pihak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada masa terdekat untuk melanjutkan lagi usaha memperkenalkan ahli-ahli PITSA untuk berniaga secara atas talian atau e-dagang agar golongan ibu tunggal ini tidak ketinggalan dalam mempertingkatkan pendapatan bagi membantu ahli keluarga masing-masing.



## Bengkel Pemantapan Asas Kewangan bagi "BUSINESS PLAN" ENT300 SESI 2022/2

Disediakan oleh: Ahmad Faisal Mahdi, Carolin Ann Enchas, Siti Farah Lajim, Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin dan Dyg Hummida Abg Abdul Rahman

Penganjuran Bengkel Pemantapan Asas Kewangan (ENT300) dwitahunan ini telah menjadi satu kemestian untuk dihadiri oleh seluruh pelajar Diploma yang menduduki kursus ENT300 ataupun Fundamentals of Entrepreneurship di Kampus Mukah. Ianya telah memberikan manfaat kepada pensyarah di mana beban tugasan mengajar kod kursus tersebut dapat dikurangkan. Jemputan kali ini untuk menyempurnakan hasrat pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah adalah Pensyarah Kanan, Puan Carolin Ann Enchas (Pensyarah Bidang Kewangan).




Sesi 2022/2 kali ini menyaksikan penyertaan seramai 8 orang pensyarah dan 281 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar kampus Mukah, Samarahan dan Samarahan 2 dan dianjurkan secara atas talian melalui aplikasi Webex pada 25 Jun 2022. Sesi kali ini tidak mempunyai masalah penyertaan atas kapasiti Webex yang dimiliki UiTM mampu menampung penyertaan sehingga 1000 orang dalam satu sesi dan seperti biasa, slot selama 3 jam ini mendapat maklum balas pelajar yang menyatakan jika boleh program ini dilaksanakan dengan lebih lama. Sebagai penambahbaikan bagi perlaksanaan bengkel ini, rakaman sesi termasuk sesi soal jawab telah dikongsikan menggunakan GDrive milik pensyarah masing-masing bagi memudahkan pelajar mengulangkaji bahagian yang mereka terlepas akibat terputus talian.

*..."visi penubuhan UiTM untuk mengeluarkan lebih ramai usahawan Bumiputera di Malaysia dan memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya."*

Akhir kata, bengkel sebegini harus diadakan lagi bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar dari bidang bukan aliran perniagaan untuk mempelajari mengenai ilmu pengurusan kewangan, mungkin boleh diadakan secara *microcredential* pada masa akan datang selaras dengan visi penubuhan UiTM untuk mengeluarkan lebih ramai usahawan Bumiputera di Malaysia dan memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya.



PPT UiTM National Virtual Innovation Competition 2022 (PPTNVIC'22)

# UiTM MUKAH RAIH ANUGERAH

Disediakan oleh: Nurain Johar, Nur Nadia Qausar Juhari dan Norliza Gerunsin

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT), Universiti Teknologi MARA (UiTM) buat pertama kalinya telah menganjurkan pertandingan inovasi iaitu *The PPT UiTM National Virtual Innovation Competition 2022* (PPTNVIC'22). Objektif utama program ini adalah untuk memupuk minat dan mendorong para pensyarah dan pelajar untuk membangunkan inovasi dalam kandungan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta mencungkil bakat dan kebolehan pensyarah sebagai fasilitator dan pelajar sebagai peserta dalam pertandingan inovasi. Apa yang lebih membanggakan, para pelajar pra diploma di UiTM Kampus Mukah telah menyahut cabaran dan bertanding dalam pertandingan inovasi ini.

Sebanyak 6 kumpulan pelajar yang terdiri daripada 14 orang pelajar Pra Diploma Sains dan 3 orang pelajar Pra Diploma Agroteknologi telah mempersembahkan idea inovasi meraka dalam pertandingan ini. Kumpulan ini turut dibantu oleh para pensyarah yang bertindak sebagai fasilitator bagi kumpulan terlibat. Meraka adalah terdiri daripada 5 orang pensyarah iaitu Dr. Mohamad Izwan Ismail yang menjadi fasilitator bagi 2 kumpulan pelajar pra diploma sains, Cik Nurain Johar, yang menjadi fasilitator bagi 3 kumpulan pelajar pra diploma sains yang turut dibantu oleh Puan Firus Musfirah Poli dan Encik Mohd Hafizz Wondi dan Puan Norliza Gerunsin yang turut memimpin sebagai fasilitator bagi 1 kumpulan pelajar pra diploma agroteknologi.





*"UiTM Kampus Mukah telah memperoleh kemenangan 1 - Gold Award, 4 - Silver Awards dan 1 - Bronze Award."*

Hari kemuncak bagi program ini telah diadakan pada 4 Februari 2022 secara dalam talian dengan menggunakan saluran rasmi *YouTube UiTM Channel* dan dimulakan dengan ucapan penutup oleh YBhg. Professor Dr. Mohd Sazili Shahibi (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM) yang juga pada ketika itu merangkap sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Penyelidkan UiTM dan juga Penasihat bagi program inovasi anjuran PPT ini.

Upacara pengumuman pemenang memperlihatkan penyertaan pelajar pra diploma daripada UiTM Kampus Mukah telah memperoleh kemenangan *1 - Gold Award, 4 - Silver Awards dan 1 - Bronze Award*. Kejayaan lebih manis telah berjaya diraih apabila satu kumpulan pelajar Pra Diploma Sains dibawah pimpinan Dr. Mohamad Izwan Ismail telah berjaya merangkul *Sapphire Awards* iaitu tempat keempat keseluruhan dengan inovasi mereka bertajuk *BIO4NEWBS*. Bagi meraikan kejayaan para pelajar Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan & Agroteknologi iaitu Encik Muhamad Syukrie Abu Talip telah sudi bersama Dewan Balau bagi menyampaikan hadiah dan sijil kemenangan kepada para pelajar terlibat.

## Lima pelajar UiTM Mukah terima sumbangan Komputer Riba daripada

# YAYASAN RIZALMAN IBRAHIM (RI)

Disediakan oleh: Yahutazi Chik dan Mohamad Ismaily Hajani

Seramai lima penuntut UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah bertuah dan terpilih menerima sumbangan komputer riba daripada Yayasan Rizalman Ibrahim. Penerima adalah terdiri daripada Nur Rais Azizi Bin Abdullah penuntut semester 1 yang sedang menyambung pengajian dalam bidang Diploma Pengajian Perniagaan manakala empat lagi penuntut terdiri daripada, Runai anak Pita, Ezul Bazzani Bin Eddy dan Mazell Udan Velentine Ronald masing-masing penuntut semester ke dua dalam bidang Diploma Pengurusan Ladang.

Majlis ringkas penyerahan sumbangan komputer tersebut telah diadakan pada 19 Oktober 2022 yang telah disempurnakan Prof. Madya Dr. Saimi Bin Bujang, Penolong Rektor UiTM Mukah sambil disaksikan oleh Encik Mohamad Ismaily Hajani, Pegawai Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Mukah. Menurut Dr. Saimi Bujang, lima penerima sumbangan komputer riba dari UiTM Mukah tersebut merupakan diantara 100 orang penuntut UiTM yang menerima bantuan tersebut di seluruh Malaysia.

Selain daripada itu, menurut Mohamad Ismaily Hajani, Dato' Rizalman Ibrahim merupakan ahli Lembaga Pengarah UiTM dan telah menubuhkan Yayasan RI (Rizalman Ibrahim) dan telah berbesar hati untuk menyumbangkan sebanyak 100 unit komputer riba kepada penuntut UiTM yang memerlukan dan UiTM Mukah bertuah kerana turut menerima sumbangan tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa senarai nama penerima sumbangan komputer riba tersebut telah diamanahkan kepada Jabatan Infostruktur, UiTM manakala proses pemilihan pelajar dilakukan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang merangkumi semua kampus iaitu seramai 100 orang yang berkelayakan serta amat memerlukan bagi meringankan beban kewangan pelajar-pelajar.

Mohamad Farcrulraze Bin Abdul Rajak penuntut Diploma Pengurusan Ladang, yang turut tersenarai diantara lima penerima sumbangan tersebut bagaimanapun tidak dapat hadir bersama-sama semasa majlis ringkas tersebut kerana dalam tempoh kuarantin setelah dihubungi memaklumkan beliau rasa sangat bersyukur di atas sumbangan komputer riba daripada Yayasan Rizalman Ibrahim tersebut. Sumbangan tersebut amat bermakna kerana akan memudahkan beliau menyiapkan tugasan yang diberikan kerana sebelum ini beliau terpaksa meminjam komputer riba daripada rakan-rakan dalam menyiapkan tugasan yang telah diamanahkan. Beliau turut menasihatkan agar rakan-rakan yang telah menerima sumbangan komputer riba daripada Yayasan RI dapat memanfaatkan pemberian tersebut dengan sebaik-baiknya.

*"Beliau turut menasihatkan agar rakan-rakan yang telah menerima sumbangan komputer riba daripada Yayasan RI dapat memanfaatkan pemberian tersebut dengan sebaik-baiknya."*



## "Outreach Program" Projek Taman Herba antara PPSPA dan

# SK KPG SENAU, OYA

Disediakan oleh: Yahutazi Chik

Selaras dengan kepakaran Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dengan penawaran program Diploma Pengeluaran Herba, sebagai salah satu projek bersama komuniti setempat, pihak pusat pengajian dengan jayanya telah melaksanakan Projek Taman Herba di Sekolah Kebangsaan Kampung Senau, Oya Projek Taman Herba dengan kerjasama PIBG SK Kpg Senau Oya pada 02 Ogos 2022. Projek tersebut telah disertai seramai 20 orang pelajar dan barisan pensyarah pusat pengajian yang diketuai oleh En. Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip, selaku Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah.



Majlis bermula dengan ucapan aluan oleh En. Hambli Bin Rabi, Guru Besar SK Kpg Senau dan disertai dengan sesi taklimat oleh En. Abang Shawn Fendi Bin Abang Keprawi, Penolong Pengurus Ladang, UiTM Kampus Mukah. Projek Taman Herba tersebut dimulakan dengan penyedian tapak dan seterusnya penanaman tanaman herba yang melibatkan pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Ladang, UiTM Kampus Mukah, guru-guru, PIBG dan juga pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi UiTM Mukah. Diantara tumbuhan herba yang turut ditanam di tapak Projek Taman Herba tersebut terdiri daripada beberapa spesis tumbuhan herba tempatan seperti belalai gajah, kunyit, bunga kantan, limau kasturi, kunyit hitam, bunga telang, serai makan, serai wangi dan pelbagai lagi.

*"Projek Taman Herba tersebut terdiri daripada beberapa spesis tumbuhan herba tempatan seperti belalai gajah, kunyit, bunga kantan, limau kasturi, kunyit hitam, bunga telang, serai makan, serai wangi dan pelbagai lagi."*

Di samping itu, program juga turut dihadiri oleh En. Yahutazi Bin Hj. Chik, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah. Selain itu, diantara pensyarah pusat pengajian lain yang hadir dan turut menyumbangkan keringat dan tenaga dalam projek taman herba tersebut terdiri daripada Puan Saiyidah Raffhanah Basri, Cik Nurul Syahirah Mansur, En. Muhamad Nasarudin Sulaiman dan En. Mohd Hafizz Wondi.



Menurut En. Yunus Sepi'e, YDP PIBG SK Kpg Senau, Oya, projek Taman Herba tersebut merupakan salah satu usaha pihak PIBG menambah kemudahan di sekolah tersebut seterusnya menyediakan suasana pembelajaran di luar bilik darjah kepada murid. Menurutnya lagi, dengan adanya Taman Herba di sekolah tersebut menambahkan lagi keceriaan sekolah serta menarik minat murid dan guru untuk menggunakan kemudahan sekolah dengan optimum.

Happy retirement!

# Lambaian Kasih Jasamu Dikenang

## CIK SAFTUYAH BINTI BOLE

*Penolong Pengurus Asrama Tertinggi*




*Cik Saftuyah Binti Bole atau juga dikenali "Kak Saf" merupakan Penolong Pengurus Asrama Tertinggi UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dan telah bersara wajib pada 15 Ogos 2022.*

*Beliau telah berkhidmat di ITM/UiTM selama 31 Tahun 2 Bulan 11 hari dan ITM/UiTM merupakan tempat pertama dan terakhir beliau berkhidmat sebagai penjawat awam kerana beliau tidak pernah bertugas di jabatan lain selain di UITM. Sesi temuduga yang pertama kali beliau hadir adalah di ITM dan beliau terus diwarkan jawatan sebagai Jurutaip dengan jawatan harian di ITM pada Jun 1987. Seterusnya beliau ditawarkan jawatan sebagai Jurutaip dengan jawtan Tetap dan sebagai Pembantu Tadbir Rendah dari tahun 1991. Pada tahun 1999 pula beliau berkhidmat sebagai Penolong Penggurus Asrama di UiTM Kampus Samarahan sehinggalah dinaikkan pangkat ke jawatan penolong Pengurus Asrama Kanan. Beliau telah berpindah dari Kampus Samarahan ke Kampus Mukah pada 16 Jun 2016. Sehinggalah beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Asrama Tertinggi sebelum persaraan wajib pada disember 2021.*

*ITM/UiTM telah banyak memberikan sokongan kepada beliau seperti peluang dan kelulusan untuk beliau menyambung pelajaran sesuatu yang beliau amat hargai kerana diberikan peluang berkenaan. Segala apa yang beliau ada pada hari ini adalah atas sokongan ITM/UiTM dan selebihnya atas keredhaan Allah SWT. Sudah pasti banyak kenangan manis dan pahit yang beliau alami sebagai staf ITM/UiTM, segalanya akan terpahat di dalam memori beliau selama hayat masih dikandung badan.*

*Selamat bersara Cik Saftuyah Bole. Terima kasih kerana telah banyak mencurah bakti kepada ITM/UiTM khususnya kepada para pelajar. Semoga segala jasa baik Cik Saftuyah Bole diberikan ganjaran dan dipermuddahkan segala urusan mendatang. Amin.*

> *"Sebagai manusia biasa, saya ingin memohon berbanyak maaf sekiranya pernah sengaja atau tidak sengaja menyinggung perasaan YBhg./ Dr. / Tuan / Puan Cik dan halalkan segala yang termakan atau terminum selama kita bertugas di UiTM Mukah"*
>
> ***Saftuyah Bole***



Happy retirement!

# Lambaian Kasih Jasamu Dikenang

**ENCIK ZAHIR BIN LAILY**

*Pemandu UiTM Kampus Mukah*




*"Terima kasih semua kerana telah membuat perkhidmatan dan perjalanan saya di UiTM suatu yang indah penuh dengan kenangan. Selamat tinggal UiTM. semopga terus unggul sebagai organisasai yang cemerlang dengan staf yang berdikas dan sentiasa berkhidmat ke arah pencapaain berkualati. "*

***- Zahir Laily -***



# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!

## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!

## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah






# Congratulations!
## UiTM Mukah




*"May this success lead to a greater achievement in this years to come. Congratulations for present and upcoming successes."*

# UiTM Mukah
# Press And Media Coverage

RABU
Utusan Sarawak
9 MAC 2022
6 SYAABAN 1443H

Stail pendidikan



AKTIVITI PERTANIAN... Dr Roziah melakukan simbolik pelepasan anak ikan ke dalam kolam di pusat Akua dan Agrotek UiTM Cawangan Mukah.



TERIMA KASIH... Dr. Jamil menyampaikan cenderamata kepada Dr Roziah sambil disaksikan oleh Penolong Rektor UiTM Mukah, Prof. Madya Dr. Saimi Bujang.

## UiTM Kampus Mukah berkembang maju

HENRY B SIYU

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA UiTM Sarawak Kampus Mukah(UiTM Mukah) mula beroperasi pada Sesi Disember 2002 dengan menjalankan program Pra-Perdagangan(PD0030).

Pada peringkat awal, UiTM hanya menyewa rumah kedai untuk menempatkan asrama pelajar, bilik pejabat, bilik kuliah dan perpustakaan.

Namun kini ia sudah beroperasi di kampus kekal sendiri yang terletak kira-kira 7.5 kilometer daripada pusat Bandar Mukah.

Universiti Awam pertama di Wilayah Tengah Sarawak ini terus berkembang dari semasa ke semasa dan senario itu telah menarik perhatian Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Profesor Datuk Teknologa (Ts.) Dr Roziah Mohd Janor.

Justeru, beliau meletakkan impian untuk menjadikan UiTM Mukah sebagai pusat penyelidikan terkemuka di kawasan ini dan peringkat antarabangsa pada suatu hari nanti.

Dr Roziah menyatakan bahawa pusat pengajian yang berada di luar bandar itu mempunyai banyak persamaan dengan Santa Fe Institute di New Mexico, Amerika Syarikat.

Idea beliau untuk menjadikan UiTM Kampus Mukah sebagai pusat penyelidikan terkemuka adalah rentetan daripada pengalamannya semasa berada di Santa Fe Institute dahulu.

"Lokasi UiTM Kampus Mukah yang terletak di zon tengah wilayah Sarawak mungkin bagi sesetengah orang agak jauh dan terpencil. Ia boleh menjadi sebagai pusat penyelidikan terkemuka kerana ia mempunyai banyak persamaan dengan Santa Fe Institute, New Mexico, Amerika Syarikat seperti kedudukannya yang agak terpencil tetapi telah berjaya menduduki 24 teratas "Badan Pemikir Sains dan Teknologi" di dunia," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada program "Berloyar Dengan VC" yang dianjurkan sempena lawatan sulungnya ke UiTM Mukah baru-baru ini.

Harapan Dr Roziah adalah untuk melihat UiTM sebagai pusat penyelidikan dan kecemerlangan yang bakal menerima kunjungan penyelidik-penyelidik bukan sahaja dari dalam negara malah turut membuka peluang kepada kolaborasi penyelidikan bersama para penyelidik peringkat antarabangsa.

"Antaranya potensi ke arah itu ialah dalam bidang industri farmaseutikal berasaskan tumbuhan herba di Sarawak dan juga kajian dan penyelidikan berkaitan komputer yang melibatkan Internet of Things (IoT) serta Artificial Intelligent (AI) yang boleh digunakan dengan meluasnya di dalam sektor pertanian pintar dan yang seumpamanya," tambah VC lagi.

Dalam sesi tersebut, beliau juga memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada warga UiTM Mukah supaya ia akan lebih menyerlah lagi di masa akan datang selaras dengan pelan strategik UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 atau Globally Renowned University 2025 (GRU 2025).

Sementara itu, Rektor UiTM Cawangan Sarawak Prof. Dato Dr. Jamil Hamali, dalam taklimatnya menyatakan UiTM Mukah menawarkan lima program di peringkat diploma.

"Program tersebut terdiri daripada Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Pengeluaran Herba, Diploma Akuakultur, Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pengajian Perbankan," kata beliau.

Di samping program di peringkat diploma, tambahnya, ia juga turut menawarkan program di peringkat pra-diploma iaitu Pra-Diploma Perdagangan dan Pra-Diploma Sains, Pra-Diploma Sains (Aliran STEM C & Sastera), Pra-Diploma Agroteknologi dan satu program baharu iaitu Pra-Diploma Pengajian Islam.

"Dalam masa yang sama, UiTM Mukah juga turut menjalin kerjasama dengan pihak Professional Mutawwif Development International College (PMDIC) iaitu program Diploma Kemahiran Mutawwif Umrah dan Ziarah.

Dalam sesi taklimat dan pembentangan tersebut juga, Dr Jamil turut menyentuh tentang 20 Perkara di dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) terutamanya dalam Perkara 15 iaitu melibatkan autonomi dalam pendidikan.

Program yang berlangsung secara santai dan bersahaja berkenaan menyaksikan interaksi pelajar dan staf akademik yang membincangkan beberapa perkara dan perkongsian tentang idea untuk meningkatkan lagi visibiliti UiTM Kampus Mukah sebagai salah satunya universiti awam di zon tengah wilayah Sarawak.

Lawatan julung kali VC ke UiTM Mukah ini sungguh bermakna kerana beliau merupakan Naib Canselor wanita pertama yang pernah diberi menyandang jawatan tersebut sejak 65 tahun institusi ini ditubuhkan.



SEJARAH TERSENDIRI... Tetamu merakamkan gambar kenangan bersama para hadirin pada Program "Berloyar Dengan VC" sempena lawatan tersebut.

# UiTM Mukah
# Press And Media Coverage

KHAMIS 24 FEBRUARI 2022 22 REJAB 1443H Utusan Sarawak Tempatan 7

## UiTM mampu capai kecemerlangan

HENRY E SIYU



TERIMA KASIH ... Profesor Dato Dr. Jamil Hamali menyampaikan cenderamata kepada Dr. Roziah Mohd Janor sambil disaksikan oleh Penolong Rektor UiTM Mukah, Prof. Madya Dr. Saimi Bujang.

## VC wanita pertama UiTM lawat Kampus Mukah

**MUKAH:** Naib Canselor (VC) Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah bertandang ke UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah (UiTM Mukah).

Ia adalah merupakan lawatan rasmi julung kali Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Roziah Mohd Janor semenjak kampus baharu tersebut beroperasi secara rasmi pada 16 November 2015.

Justeru, sempena dengan peristiwa yang merupakan sejarah tersendiri itu, pihak UiTM Mukah telah menganjurkan sebuah program yang dinamakan "Berloyar Dengan VC (Vice Chancellor)".

Pada lawatan tersebut, beliau ditemani oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak Prof. Dato Dr. Jamil Hamali, Penolong Naib Canselor (Strategi) UiTM Prof. Teknologis (Ts.) Dr. Nor Hayati Saad serta pengurusan kanan UiTM Cawangan Sarawak dan juga rombongan daripada UiTM Shah Alam.

Difahamkan sejak dilantik sebagai VC pada 9 Ogos 2021, Dr. Roziah telah membuat lawatan ke beberapa buah cawangan UiTM di Malaysia termasuklah UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan.

Siri lawatan beliau di Sarawak diteruskan dengan lawatan rasmi ke Kampus Mukah melalui penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching ke Lapangan Terbang Baharu Mukah menggunakan pesawat ATR72-500 selepas beliau selesai menghadiri program "Jom Masuk IPT 2022" di BCCK, Kuching anjuran UiTM Cawangan Sarawak pada Sabtu lalu.

Ketibaannya di Dewan Sri Balau, UiTM Mukah disambut meriah dengan tarian selamat datang oleh pelajar UiTM Mukah yang memakai kostum pelbagai etnik di Sarawak serta berlatar bekalangkan muzik iringan tradisional Melanau yang begitu sinonim dengan Mukah.

Di antara objekif penganjuran program "Berloyar Dengan VC" yang bermaksud bersembang secara santai bersama Naib Canselor ini adalah untuk mendekatkan lagi warga UiTM Mukah seterusnya beramah mesra dengan beliau.

Dalam masa yang sama, ia juga bagi memberikan ruang dan peluang kepada warga Kampus Mukah untuk mengutarakan sebarang isu serta merungkai dan seterusnya mendapatkan penjelasan tentang beberapa perkara penting untuk disampaikan secara terus kepada Dr. Roziah.

Dikatakan bahawa Keindahan dan kecantikan UiTM Mukah yang dijolokkan sebagai "Kampus Peranginan" atau Resort Campus telah mencetuskan semangat tetamu istimewa ini untuk meneruskan sesi lawatan rasmi di Sarawak dengan melihat sendiri keindahan kampus yang merupakan satu-satunya universiti awam yang wujud di zon tengah wilayah Sarawak.

Program "Berloyar Dengan VC" dimulakan dengan sesi taklimat dan pembentangan mengenai UiTM Mukah yang disampaikan oleh Dr. Jamil seperti latar belakang dan sejarah pembangunannya serta maklumat mengenai prasana dan kemudahan yang terdapat di sana, disamping beberapa cabaran yang dihadapi oleh UiTM Kampus Mukah.

# UiTM Mukah
# Press And Media Coverage

16 Tempatan Utusan Sarawak SELASA 29 MAC 2022 26 SYAABAN 1443H

## UiTM bangunkan Pusat Penyelidikan Melanau



PENGHARGAAN... Abdul Yakub Arbi menerima cenderamata daripada Dr. Saimi Bujang pada Seminar Negeri Tua Melanau Siri Mukah di sebuah hotel di Mukah, semalam

**MUKAH:** Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah berjaya membangunkan Pusat Penyelidikan Melanau (PPM).

Ia akan menjadi pusat penyelidikan, dokumentasi dan sekaligus galeri Melanau yang pertama di Bahagian Mukah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balingian yang juga Presiden Persatuan Melanau Mukah (PMM) Abdul Yakub Arbi amat teruja dan berterima kasih atas inisiatif universiti berkenaan.

"Ketiga-tiga peranan utama PPM ini akan memfokuskan setiap perkara yang berkaitan dengan Melanau seperti sejarah, sosioekonomi dan budaya masyarakat Melanau.

"Ia amat bertepatan dengan objektif penubuhan PMM itu sendiri iaitu untuk memupuk jati diri dan pemahaman yang berterusan dalam kalangan masya- rakat Melanau mengenai budaya serta sejarah dan seterus- nya melonjak dan mengukuh kedudukan komuniti Melanau dalam masyarakat khususnya di Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Negeri Tua Melanau Siri 1 yang berlangsung di hotel, di sini.

Sehubungan itu menurutnya, kerjasama antara UiTM dan PMM ini merupakan satu permulaan dalam melestarikan sejarah serta budaya masyarakat Melanau.

"Saya amat mengharapkan kerjasama ini dapat kita teruskan dan bagi mencipta banyak kejayaan di masa depan. Usaha ini juga dilihat mampu memantapkan lagi peranan universiti ini bukan sahaja sebagai salah satu pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan, malah akan menjadi platform jalinan serta kerjasama bersama masyarakat tempatan yang pastinya akan menghasilkan banyak manfaat," tambah Yakub.

Seminar dianjurkan Pusat Penyelidikan Melanau (PPM) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Persatuan Melanau Mukah

Turut hadir Penolong Rektor UiTM Mukah Profesor Madya Dr. Saimi Bujang, Pemangku Residen Bahagian Mukah, Shafrie Saili, Pemangku Pegawai Daerah Mukah Peleadzman Ahip, Walikota Majlis Daerah Dalat dan Mukah Kadir Jamil, Pegawai Eksekutif Kanan UiTM Mukah, Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar dan Pemanca Mohamad @ Mohd Jali Kawi.

## Seminar Negeri Tua Melanau Siri 1 berjalan lancar



PASANG TELINGA... Abdul Yakub Arbi dan tetamu lain pada program tersebut.

**MUKAH:** Seminar Negeri Tua Melanau Siri 1 telah berjaya dilangsungkan di sebuah hotel di Mukah baru-baru ini.

Ia adalah merupakan anjuran bersama Pusat Penyelidikan Melanau (PPM) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah (UiTM Mukah) dan Persatuan Melanau Mukah(PMM).

Program yang julung kali diadakan itu bermula dengan pendaftaran peserta dan penyerahan Goodies Misi Akademik pada 8.00 pagi.

Program tersebut dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri(ADUN) Balingian merangkap Presiden PMM Abdul Yakub Arbi.

Selain beliau, juga berucap dan seterusnya membentang Negeri Tua Melanau ialah Penolong Rektor UiTM Mukah, Profesor Madya Dr. Saimi Bujang.

Antara pengisian program setengah hari berkenaan ialah Sesi Dialog bersama ketua masyarakat dan ketua kaum.

Turut hadir, Pemangku Residen Bahagian Mukah, Shafrie Saili, Pemangku Pegawai Daerah Mukah, Peleadzman Ahip, Walikota Majli Daerah Dalat dan Mukah, Kadir Jamil dan beberapa ahli persatuan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UiTM MUKAH BULLETIN

# Inou Dengah UiTM Mukah?



Welcome to the resort campus

"Your better learning starts here"

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
KM 7.5 Jalan Oya
96400 Mukah, Sarawak,
Malaysia
+6084 876300

eISSN 2976-257X